

**PENGARUH BUDAYA MELAYU TERHADAP  
MASYARAKAT CINA PERANAKAN DI KAMPUNG  
TOKONG, KETEREH, KOTA BHARU, KELANTAN**

**NURUL HALAWATI BINTI ABDUL RAZAK**

UNIVERSITI

MALAYSIA

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**2024**



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**PENGARUH BUDAYA MELAYU TERHADAP  
MASYARAKAT CINA PERANAKAN DI KAMPUNG  
TOKONG, KETEREH, KOTA BHARU, KELANTAN**

Oleh:

**NURUL HALAWATI BINTI ABDUL RAZAK**

Projek Penyelidikan ini disediakan untuk memenuhi syarat kelayakan bagi Ijazah  
Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2024

## PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

### TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh).

### SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

Dari tarikh \_\_\_\_\_ hingga  
\_\_\_\_\_

### SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)\*

### TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)\*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandangan

000509030668

Tarikh:

Tandatangan Penyelia Utama

Dr. Ainul Wahida binti Radzuan  
Senior Lecturer

Department of Heritage Studies  
Faculty of Arts and Social Sciences  
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)  
16300, Kelantan, Malaysia

DR. AINUL WAHIDA BINI RADZUAN

Tarikh:

Nota \* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila keipilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT di atas limpah kurniaan-Nya menganugerahkan nikmat kehidupan dan kekuatan diri. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, sahabat serta keluarga baginda yang mulia. Terlebih dahulu, saya ingin memanjatkan sepenuh kesyukuran kepada Tuhan kerana dengan izin-Nya dapatlah saya menyiapkan kajian ini mengikut jangka masa yang telah ditetapkan. Tidak lupa juga ucapan jutaan terima kasih kepada Dr. Ainul Wahida Binti Radzuan kerana telah membimbing dan memberi tunjuk ajar serta idea-idea sepanjang saya menyiapkan Projek Penyelidikan ini.

Sepenuh penghargaan turut saya curahkan terhadap kedua ibu bapa saya di atas segala sokongan dan dorongan yang dihadiahkan oleh mereka dengan harapan saya mampu menyiapkan Projek Penyelidikan dengan jayanya. Tanpa sokongan tinggi daripada mereka, sudah pasti saya sukar untuk menyiapkan kajian ini dengan begitu sempurna. Terima kasih juga kepada sahabat-sahabat saya yang bertungkus-lumus dan saling bertukar pendapat serta pandangan sepanjang menjalankan kajian ini.

Saya sebagai pengkaji Projek Penyelidikan ini ingin menghadiahkan ucapan terima kasih kepada 10 orang informan di atas segala ilmu pengetahuan dan pengalaman baharu yang telah dikongsikan bersama saya sepanjang saya menemu bual mereka bagi mendapatkan data dan jawapan bagi objektif dan persoalan kajian mengenai 'Pengaruh Budaya Melayu Terhadap Masyarakat Cina Peranakan Di Kampung Tokong, Keteroh, Kota Bharu, Kelantan'. Segala penerangan dan penjelasan yang begitu mendalam daripada para informan telah pun saya gunakan sebaik mungkin dalam mencari segala jawapan yang diperlukan sepanjang kajian ini disiapkan.

Sesungguhnya, segala bantuan dan sokongan moral yang diberikan kepada saya telah menjadi pendorong utama dalam mencetuskan idea-idea baru dan buah fikiran untuk memperoleh maklumat relevan sepanjang menjalankan kajian. Akhir sekali, saya berharap agar kajian ini dapat membantu saya dalam memperoleh lebih banyak pengetahuan baru di samping Projek Penyelidikan ini juga dapat memberi manfaat kepada orang lain.

# **Pengaruh Budaya Melayu Terhadap Masyarakat Cina Peranakan Di Kampung Tokong, Ketereh, Kota Bharu, Kelantan**

## **ABSTRAK**

Percampuran antara dua buah masyarakat yang berbeza iaitu masyarakat Cina Peranakan dan masyarakat Melayu telah mendorong berlakunya asimilasi yang berupaya untuk diamalkan dalam kehidupan seharian sehingga sebatian dalam diri masyarakat Cina Peranakan. Walau bagaimanapun, asimilasi yang telah berlaku dalam kalangan masyarakat tersebut turut menimbulkan pelbagai masalah. Hal ini telah mendorong masyarakat Cina Peranakan untuk terus memelihara budaya Melayu yang telah memberi pengaruh besar dalam kehidupan seharian mereka. Kajian ini membincangkan pengaruh budaya Melayu terhadap masyarakat Cina Peranakan di Kampung Tokong, Ketereh, Kota Bharu, Kelantan sesuai dengan tiga bentuk objektif iaitu mengenal pasti jenis budaya Melayu yang diadaptasi oleh masyarakat Cina Peranakan di Kampung Tokong, Ketereh, Kota Bharu, Kelantan, mengkaji faktor yang menyebabkan budaya Melayu dan Cina Peranakan diasimilasi serta menganalisis cara masyarakat Cina Peranakan mengekalkan budaya Melayu dalam kalangan mereka. Kajian ini juga menggunakan pendekatan kualitatif melalui kajian kes yang menggunakan kaedah temu bual dan pemerhatian. Seramai 10 orang informan dipilih untuk ditemu bual bagi mencapai objektif kajian. Analisis tematik digunakan untuk menganalisis data yang diperolehi daripada informan. Beberapa tema telah ditetapkan untuk dapatan kajian di mana tema bagi objektif pertama terdiri daripada penggunaan bahasa Melayu dialek Kelantan, budaya berpakaian dalam masyarakat Cina Peranakan, budaya pemakanan masyarakat Cina Peranakan dan gaya hidup masyarakat Cina Peranakan. Tema untuk objektif kedua terdiri daripada pergaulan dengan masyarakat Melayu, kunjungan sesama masyarakat, perkahwinan dengan masyarakat Melayu dan sifat keterbukaan masyarakat Melayu. Bagi tema untuk objektif ketiga pula adalah perubahan gaya makan, perubahan gaya pemakaian, perubahan dialek bahasa dalam komunikasi dan perubahan masakan. Kajian ini juga menyediakan dapatan utama dan cadangan untuk dilakukan agar budaya Melayu kekal terpelihara dalam masyarakat Cina Peranakan.

**Kata Kunci:** Budaya, Percampuran, Asimilasi, Cina Peranakan

***The Influence of Malay Culture on the Chinese Peranakan in Kampung  
Tokong, Ketereh, Kota Bharu, Kelantan.***

**ABSTRACT**

*The mixing between two distinct communities, the Chinese Peranakan community and the Malay community, has resulted in assimilation, which can be practised in daily life until it is fully integrated into the Chinese Peranakan community. However, assimilation within the community has resulted in a number of issues. This has encouraged the Chinese Peranakan community to continue preserving the Malay culture, which has had a significant impact on their daily lives. This study discusses the influence of Malay culture on the Chinese Peranakan community in Kampung Tokong, Ketereh, Kota Bharu, Kelantan in accordance with three objectives, namely identifying the type of Malay culture adapted by the Chinese Peranakan community in Kampung Tokong, Ketereh, Kota Bharu, Kelantan, studying factors that cause Malay and Chinese Peranakan culture to be assimilated, and analysing the way the Chinese Peranakan community maintains Malay culture among them. This study also uses a qualitative approach, employing case studies and interview and observation methods. A total of ten informants were selected to be interviewed to achieve the objectives of the study. Thematic analysis was used to analyse the data obtained from the informants. Several themes have been set for the findings of the study where the theme for the first objective consists of the use of Kelantan dialect Malay language, dress culture in the Chinese Peranakan community, dietary culture of the Chinese Peranakan community and the lifestyle of the Chinese Peranakan community. The theme for the second objective consists of socialising with the Malay community, visiting fellow community members, marrying within the Malay community and the openness of the Malay community. As for the theme for the third objective, it is a change in eating style, a change in clothing style, a change in language dialect in communication and a change in cuisine. This study also provides the main findings and recommendations for preserving Malay culture in the Chinese Peranakan community.*

**Keywords:** *Culture, Mixing, Assimilation, Chinese Peranakan*



## ISI KANDUNGAN

|  |             |
|--|-------------|
| <b>PERAKUAN TESIS</b> .....                                      | <b>i</b>    |
| <b>PENGHARGAAN</b> .....   | <b>ii</b>   |
| <b>ABSTRAK</b> .....   | <b>iii</b>  |
| <b>ABSTRACT</b> .....  | <b>iv</b>   |
| <b>SENARAI RAJAH</b> .....                                       | <b>viii</b> |
| <b>SENARAI JADUAL</b> .....                                      | <b>ix</b>   |
| <b>BAB SATU: PENDAHULUAN</b> .....                               | <b>1</b>    |
| 1.0 Pengenalan .....   | 1           |
| 1.1 Permasalahan Kajian .....                                    | 4           |
| 1.2 Persoalan Kajian.....  | 6           |
| 1.3 Objektif Kajian .....  | 6           |
| 1.4 Skop Kajian .....  | 7           |
| 1.5 Signifikasi Kajian .....                                     | 7           |
| 1.6 Lokasi Kajian .....  | 9           |
| 1.7 Peta Kajian .....  | 11          |
| 1.8 Struktur Penyelidikan .....                                  | 12          |
| <b>BAB DUA: KAJIAN LITERATUR</b> .....                           | <b>13</b>   |
| 2.0 Pengenalan .....   | 13          |
| 2.1 Definisi Budaya .....  | 14          |
| 2.2 Masyarakat Cina Peranakan .....                              | 20          |
| 2.3 Sejarah Masyarakat Cina Peranakan .....                      | 20          |
| 2.4 Takrifan Asimilasi .....                                     | 23          |
| 2.4.1 Proses Pembentukan Asimilasi .....                         | 24          |
| 2.5 Asimilasi Budaya Melayu Dalam Masyarakat Cina Peranakan..... | 24          |
| 2.5.1 Ciri-Ciri Fizikal Masyarakat Cina Peranakan .....          | 26          |
| 2.5.2 Pakaian Masyarakat Cina Peranakan .....                    | 26          |
| 2.5.3 Budaya Makan Masyarakat Cina Peranakan.....                | 27          |
| 2.5.4 Kediaman Masyarakat Cina Peranakan.....                    | 28          |
| 2.5.5 Bahasa Dalam Masyarakat Cina Peranakan .....               | 29          |
| 2.5.6 Agama Dalam Masyarakat Cina Peranakan .....                | 30          |
| 2.6 Aplikasi Teori: Teori Asimilasi.....                         | 31          |
| 2.7 Kesimpulan.....  | 32          |

|  |           |
|--|-----------|
| <b>BAB TIGA: METODOLOGI DAN ANALISIS DATA .....</b>  | <b>33</b> |
| 3.0 Pengenalan .....   | 33        |
| 3.1 Pendekatan Kajian .....  | 33        |
| 3.1.1 Pendekatan Kualitatif .....  | 34        |
| 3.1.2 Ciri-Ciri Pendekatan Kualitatif .....  | 34        |
| 3.1.3 Kajian Kes .....   | 35        |
| 3.2 Kaedah Kajian .....  | 36        |
| 3.2.1 Kaedah Temu Bual .....   | 36        |
| 3.2.2 Alat Bantuan Kajian .....  | 37        |
| (i) Telefon Bimbit .....   | 37        |
| (ii) Perakam Suara .....   | 38        |
| (iii) Nota Lapangan .....  | 38        |
| 3.2.3 Kaedah Pemerhatian .....   | 38        |
| 3.3 Pensampelan Kajian .....   | 39        |
| 3.3.1 Teknik Pemilihan Informan .....  | 40        |
| 3.3.2 Had Umur .....   | 41        |
| 3.3.3 Taraf Pendidikan .....   | 42        |
| 3.4 Analisis Data .....  | 42        |
| 3.4.1 Analisis Tematik .....   | 43        |
| 3.4.2 Peringkat-Peringkat Dalam Analisis Tematik .....   | 43        |
| (i) Transkripsi .....  | 44        |
| (ii) Pengekodan .....  | 45        |
| (iii) Tema .....   | 46        |
| (iv) Laporan .....   | 46        |
| 3.5 Kesimpulan .....   | 47        |
| <b>BAB EMPAT: ANALISIS KAJIAN DAN PERBINCANGAN .....</b>   | <b>48</b> |
| 4.0 Pengenalan .....   | 48        |
| 4.1 Pemahaman Masyarakat Cina Peranakan Mengenai Budaya .....  | 48        |
| 4.2 Jenis Budaya Melayu Yang Diadaptasi Oleh Masyarakat Cina Peranakan Di<br>Kampung Tokong, Ketereh, Kota Bharu, Kelantan ..... | 55        |
| 4.2.1 Penggunaan Bahasa Melayu Dialek Kelantan .....   | 55        |
| 4.2.2 Budaya Berpakaian Dalam Masyarakat Cina Peranakan .....  | 59        |
| 4.2.3 Budaya Pemakanan Masyarakat Cina Peranakan .....   | 63        |
| 4.2.4 Gaya Hidup Masyarakat Cina Peranakan .....   | 68        |
| 4.3 Faktor Yang Menyebabkan Budaya Melayu Dan Cina Peranakan Diasimilasi   | 70        |



|   |           |
|---|-----------|
| 4.3.1 Pergaulan Dengan Masyarakat Melayu.....   | 71        |
| 4.3.2 Kunjungan Sesama Masyarakat .....   | 74        |
| 4.3.3 Perkahwinan Dengan Masyarakat Melayu.....   | 76        |
| 4.3.4 Sifat Keterbukaan Masyarakat Melayu .....   | 77        |
| 4.4 Cara Masyarakat Cina Peranakan Mengekalkan Budaya Melayu Dalam<br>Kalangan Mereka ..... | 80        |
| 4.4.1 Perubahan Gaya Makan.....   | 81        |
| 4.4.2 Perubahan Gaya Pemakaian .....  | 83        |
| 4.4.3 Perubahan Dialek Bahasa Dalam Komunikasi.....   | 85        |
| 4.4.4 Perubahan Masakan.....  | 86        |
| 4.5 Kesimpulan.....   | 88        |
| <b>BAB LIMA: KESIMPULAN DAN CADANGAN.....</b>   | <b>90</b> |
| 5.1 Rumusan Kajian .....  | 90        |
| 5.2 Dapatan Utama .....   | 92        |
| 5.3 Cadangan .....  | 95        |
| <b>RUJUKAN.....</b>   | <b>96</b> |

## SENARAI RAJAH

| <b>Rajah</b>   | <b>Halaman</b> |
|--|----------------|
| Rajah 1.1: Lokasi Kampung Tokong, Keteroh, Kota Bharu, Kelantan..... | 11             |
| Rajah 2.1: Proses Pembentukan Asimilasi.....                         | 24             |
| Rajah 3.1: Peringkat-Peringkat Dalam Analisis Tematik.....           | 43             |



## SENARAI JADUAL

| <b>Jadual</b>   | <b>Halaman</b> |
|---|----------------|
| Jadual 3.1: Demografi Informan.....                     | 41             |
| Rajah 3.2: Proses Pengekodaan Transkripsi Informan..... | 45             |



# BAB SATU

## PENDAHULUAN

### 1.0 Pengenalan

Cina Peranakan adalah subetnik Cina di Malaysia yang memiliki identiti Cina-Melayu dalam diri mereka. Walau bagaimanapun, masyarakat Cina Peranakan turut mempunyai identiti tambahan yang lain hasil asimilasi dengan masyarakat Siam (Tan Chee Beng et al., 2002). Masyarakat Cina Peranakan muncul sekitar abad ke-19 di mana golongan imigran datang dan tiba di Kepulauan Melayu dan menetap di Malaysia (Pue, 2012). Istilah peranakan digunakan bagi merujuk kepada subkumpulan dari sesebuah etnik di mana mereka memiliki sifat kemelayuan yang ketara dalam semua sudut seperti adat, budaya, nilai malahan turut merangkumi bahasa serta perilaku mereka (Pue, 2012). Kebanyakan budaya asal masyarakat Cina Peranakan di Kelantan telah terhakis dan diganti dengan budaya Melayu. Bagi masyarakat Cina yang menetap di Kelantan sejak kecil, mereka telah terbiasa dengan budaya dan adat Melayu sehingga perubahan tersebut boleh dilihat dalam diri mereka. Masyarakat Cina Peranakan juga boleh bertutur dengan fasih menggunakan bahasa Melayu dialek Kelantan setanding dengan masyarakat Melayu tempatan.

Bagi masyarakat lain yang kurang mengenali masyarakat Cina Peranakan di Kelantan, semestinya mereka akan menyangka bahawa masyarakat tersebut merupakan penduduk yang berasal dari kaum Melayu yang menetap di sini. Van den Berghe (1981) menegaskan bahawa jika golongan minoriti sentiasa belajar mengenai cara hidup golongan majoriti, maka cara hidup golongan minoriti akan mirip dengan

golongan majoriti. Masyarakat Melayu tempatan di Kelantan pula tidak menganggap masyarakat Cina Peranakan sebagai komuniti asing walaupun mempunyai perbezaan agama. Penduduk Melayu tempatan sentiasa menghormati masyarakat Cina Peranakan agar masyarakat ini tidak terpinggir malahan hubungan sosial antara kedua-dua etnik ini dibina dengan baik. Kehidupan masyarakat Cina Peranakan di Kelantan telah mengubah cara hidup mereka. Kaum Cina telah terpengaruh dengan budaya Melayu tempatan sehingga lahir komuniti baru yang dikenali sebagai masyarakat Cina Peranakan. Masyarakat Cina Peranakan melakukan aktiviti harian sama seperti masyarakat Melayu. Masyarakat Cina Peranakan juga sentiasa berkomunikasi dengan penduduk tempatan di Kelantan. Melalui komunikasi tersebut, hubungan antara kedua-dua masyarakat ini bertambah erat. Budaya yang menjadi amalan orang Melayu juga turut tersebar dalam komuniti Cina Peranakan sehingga mendorong masyarakat Cina Peranakan mengamalkan budaya Melayu. Segala budaya yang telah diasimilasi dalam kehidupan masyarakat minoriti ini telah menyebabkan kedudukan mereka di Kelantan diterima dengan baik di samping keterbukaan sikap orang Melayu dalam menerima kaum yang berbeza agama cenderung dalam mengamalkan budaya Melayu yang didominasi di negeri ini.

Penduduk Cina Peranakan di Kelantan adalah sangat besar. Ini adalah kerana Kelantan terdedah dengan hubungan luar seperti China, India dan Arab (Iqbal et al., 2015). Kelantan menjalankan aktiviti perdagangan dan menjadi tempat kunjungan pedagang dari China, India dan Arab untuk bertukar barangan (Iqbal et al., 2015). Melalui aktiviti perdagangan ini, nama negeri Kelantan sentiasa berubah-ubah disebabkan ramai mubaligh dan pedagang-pedagang yang datang (Pue, 2012). Pedagang dari China menggelar Kelantan sebagai “Ho-lan-tan”, “Kuo-lan-tan”, serta

“Chi-lan-tan”. Namun begitu, terdapat orang Cina yang berhijrah ke Kelantan disebabkan krisis ekonomi dan politik di negara China. Orang Cina terpaksa berhijrah ke Kelantan untuk mendapatkan kehidupan yang selesa (Mohamad Idris, 1977). Penghijrahan orang Cina ke Kelantan kebanyakannya datang dari Fukien, Kwantung, Kwangsi serta Hainan. Kedatangan mereka ke Kelantan telah bermula sejak 300 tahun dahulu. Kedatangan orang Cina ke Kelantan juga disebabkan mereka dibawa masuk oleh penjajah Inggeris untuk membantu memantapkan ekonomi British di Malaysia (Teo, 2003).

Pada abad ke-20, masyarakat Cina Peranakan mula berkembang di Kelantan. Kedatangan orang Cina yang berasal daripada etnik Kantonis dan Hakka merupakan kumpulan pertama yang bermigrasi ke negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Orang Cina digelar sebagai Cina Bandar (Chew, 1993). Masyarakat Cina yang tergolong dalam etnik Kantonis dan Hakka mulai bertapak di Kelantan ketika pihak British sedang memerintah negeri Kelantan. Masyarakat Cina menjadikan pekan dan bandar sebagai lokasi tempat tinggal mereka (Chew, 1993). Kumpulan kedua orang Cina yang datang ke Kelantan tergolong daripada etnik Hokkien dan digelar sebagai Cina Kampung (Chew, 1993). Masyarakat Cina Kampung menetap di kawasan tebing sungai dan bekerja sebagai petani (Chew, 1993). Masyarakat Cina Kampung lebih sesuai dikenali sebagai masyarakat Cina Peranakan kerana cara hidup masyarakat Cina Kampung mirip dengan masyarakat Melayu.

Majoriti penduduk yang menetap di negeri Kelantan sudah pasti masyarakat Melayu manakala masyarakat Cina Peranakan pula dikelaskan sebagai masyarakat kedua tertinggi yang tinggal di Kelantan selain daripada masyarakat India dan Siam



(Muhammad Fatah, 2020). Proses asimilasi dan akulturasi yang tinggi dalam kalangan masyarakat ini telah mendorong mereka untuk dikategorikan sebagai golongan “local born”. Mereka berbeza dengan masyarakat Cina lain seperti Baba Nyonya kerana masyarakat Cina Peranakan memiliki budaya sendiri (Jais & Kassim, 2006). Cina Baba Nyonya pula merujuk kepada masyarakat Cina yang dilahirkan dan menetap di negeri Melaka, Singapura dan Pulau Pinang (Yoong & Zainab, 2004).

### **1.1 Permasalahan Kajian**

Masyarakat Cina Peranakan di Kampung Tokong, Ketereh, Kota Bharu, Kelantan telah mengalami pertembungan antara dua budaya. Pertembungan dua budaya telah menimbulkan fenomena pinjam-meminjam bahasa (Teo Kok Seong, 1996). Penutur daripada masyarakat Cina Peranakan menggunakan bahasa Melayu untuk berkomunikasi. Penggunaan bahasa lingua franca oleh masyarakat Cina Peranakan telah digunakan dengan meluas. Penggunaan bahasa Melayu yang pekat dengan dialek Kelantan menjadi kebiasaan bagi masyarakat Cina Peranakan dalam kehidupan seharian. Penggunaan beberapa ayat dan perkataan seringkali digunakan dalam kehidupan sehariannya. Sebagai contoh, “mu tengoh buat gapo tu?” yang membawa maksud “awak tengah buat apa tu?”, “semaye” yang bererti sembahyang. Walaupun mereka banyak menggunakan bahasa Melayu dialek Kelantan, namun loghat bahasa Cina dalam percakapan mereka masih lagi boleh dikenal pasti.

Pengaruh budaya Melayu yang memberi identiti baharu terhadap masyarakat Cina Peranakan yang mendorong masyarakat Cina Peranakan untuk memelihara budaya Melayu. Masyarakat Cina Peranakan menganggap budaya Melayu sebagai

simbolik identiti bagi komuniti mereka. Walau bagaimanapun, masyarakat Cina Peranakan bimbang jika budaya Melayu yang telah sebatikan dalam diri mereka akan terhakis (Berita Harian, 2023). Ini disebabkan generasi Cina Peranakan bermigrasi untuk menyambung pendidikan dan bekerja. Migrasi tersebut menyebabkan generasi muda Cina Peranakan jarang pulang ke Kelantan sehingga lama-kelamaan penghargaan masyarakat Cina Peranakan terhadap budaya Melayu turut berkurangan. Kependudukan generasi muda di luar Kelantan menyebabkan mereka kurang bergaul dan berkomunikasi dengan masyarakat Melayu Kelantan. Hal ini menjadi kebimbangan masyarakat Cina Peranakan yang lebih tua. Mereka bimbang sekiranya kemahiran berkomunikasi dalam dialek bahasa Melayu Kelantan semakin tidak dapat dikuasai oleh golongan belia (Berita Harian, 2023).

Kependudukan masyarakat Cina Peranakan di Kelantan memberi impak dari segi pemilihan makanan akibat proses asimilasi. Kesan pemilihan makanan dapat dilihat dengan jelas dalam kalangan masyarakat Melayu tempatan. Ini kerana kedatangan masyarakat Cina ke Kelantan yang membawa budaya asal etnik Cina turut mempengaruhi masyarakat Melayu tempatan. Contohnya, nasi ayam berasal dari negara China malah hidangan ini juga popular di negara China. Kemunculan masyarakat Cina Peranakan di Kelantan menjadikan hidangan nasi ayam turut dikenali dalam masyarakat Kelantan serta membuktikan berlaku proses percampuran budaya yang berbeza. Namun begitu, hidangan yang berinspirasi daripada makanan warisan China ini semakin mendapat tempat di hati masyarakat Melayu. Ramai orang Melayu memilih untuk menjamah hidangan ini berbanding makanan Melayu asli sehingga menyebabkan identiti makanan Melayu asli turut terhakis (Zainudin, 2019).

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mendalami dengan lebih mendalam mengenai pengaruh budaya Melayu dalam kehidupan masyarakat Cina Peranakan di Kelantan.

## **1.2 Persoalan Kajian**

Terdapat tiga persoalan kajian di dalam kajian ini iaitu:

1. Apakah jenis budaya Melayu yang diadaptasi oleh masyarakat Cina Peranakan di Kampung Tokong, Ketereh, Kota Bharu, Kelantan?
2. Apakah faktor yang menyebabkan budaya Melayu dan Cina Peranakan diasimilasi?
3. Bagaimanakah masyarakat Cina Peranakan mengekalkan budaya Melayu dalam kalangan mereka?

## **1.3 Objektif Kajian**

Tiga objektif kajian di dalam kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti jenis budaya Melayu yang diadaptasi oleh masyarakat Cina Peranakan di Kampung Tokong, Ketereh, Kota Bharu, Kelantan.
2. Mengkaji faktor yang menyebabkan budaya Melayu dan Cina Peranakan diasimilasi.
3. Menganalisis cara masyarakat Cina Peranakan mengekalkan budaya Melayu dalam kalangan mereka.

#### **1.4 Skop Kajian**

Kajian kes bagi pengaruh budaya Melayu terhadap masyarakat Cina Peranakan dijalankan di Kampung Tokong, Ketereh, Kota Bharu, Kelantan bagi memenuhi standard penyelidikan untuk mengenal pasti jenis budaya Melayu yang diadaptasi oleh masyarakat Cina Peranakan di Kampung Tokong, Ketereh, Kota Bharu, Kelantan, mengkaji faktor yang menyebabkan budaya Melayu dan Cina Peranakan diasimilasi dan menganalisis cara masyarakat Cina Peranakan mengekalkan budaya Melayu dalam kalangan mereka. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kajian kes untuk mendapatkan data bagi menjawab persoalan dan objektif kajian. Maklumat yang diperolehi daripada kajian ini adalah melalui kaedah temu bual dan pemerhatian. Kajian ini juga telah menemu bual 10 orang informan. Kajian mengaplikasikan analisis tematik untuk menganalisis data daripada temu bual. Kajian ini menggunakan teori asimilasi sebagai asas dalam memahami pengaruh budaya Melayu dalam kehidupan masyarakat Cina Peranakan di Kelantan.

#### **1.5 Signifikasi Kajian**

Kajian ini diharapkan dapat memberi pengetahuan dan penjelasan yang jelas mengenai pengaruh budaya Melayu terhadap masyarakat Cina Peranakan di Kampung Tokong, Ketereh, Kota Bharu, Kelantan. Budaya Melayu yang diasimilasi dalam masyarakat Cina Peranakan dilihat telah memberi pengaruh yang besar terhadap masyarakat Cina Peranakan. Malah, budaya Melayu telah berupaya mengubah identiti masyarakat Cina Peranakan. Kehidupan mereka juga telah mengikut gaya hidup kaum Melayu yang menjadi golongan dominan di Kelantan. Norma hidup bagi masyarakat

Cina Peranakan sangat menyerupai gaya hidup masyarakat Melayu disebabkan golongan ini dipengaruhi oleh budaya-budaya yang sentiasa diamalkan di negeri Kelantan. Kependudukan masyarakat Cina Peranakan sangat dikenali oleh masyarakat Melayu yang menetap di Kelantan disebabkan komuniti Cina Peranakan sentiasa bergaul dengan penduduk Melayu tempatan. Identiti masyarakat Cina Peranakan adalah unik dan istimewa dalam membezakan masyarakat Cina Peranakan dengan masyarakat Melayu walaupun mereka sangat sehati dengan budaya tempatan.

Kajian ini juga penting dalam memperlihatkan sifat kaum Melayu yang sedia menerima golongan lain untuk belajar dan mempraktikkan budaya yang menjadi amalan seharian mereka di Kelantan. Masyarakat Cina Peranakan sebagai komuniti baru di Kelantan dilayan dengan baik dan mendapat penghormatan daripada masyarakat Melayu meskipun masyarakat Cina Peranakan yang menetap di Kampung Tokong, Ketereh, Kota Bharu, Kelantan ini bukan berskala besar. Kependudukan mereka di Kelantan diterima dengan sifat keterbukaan yang penuh daripada masyarakat Melayu. Masyarakat Melayu mengalu-alukan masyarakat Cina Peranakan untuk belajar budaya Melayu. Masyarakat Cina Peranakan turut dilayan sama rata oleh masyarakat Melayu tanpa ada unsur-unsur perbandingan kaum. Masyarakat Melayu yang memberi penghormatan terhadap masyarakat Cina Peranakan mendorong masyarakat Cina Peranakan untuk meneruskan kehidupan dan menerima pengaruh budaya Melayu sebagai budaya baru.

Kajian pengaruh budaya Melayu terhadap masyarakat Cina Peranakan di Kampung Tokong, Ketereh, Kota Bharu, Kelantan turut diharapkan dapat membantu meningkatkan kefahaman pengkaji mengenai konsep identiti dan budaya masyarakat

Cina Peranakan. Dengan adanya masyarakat Cina Peranakan, perkongsian sosiobudaya antara masyarakat Melayu turut berlaku. Kependudukan masyarakat Cina Peranakan menarik perhatian masyarakat Melayu untuk berinteraksi dengan masyarakat Cina Peranakan yang mahir berbahasa Melayu menggunakan dialek Kelantan. Adab dan tingkah laku masyarakat Cina Peranakan juga membuktikan mereka mampu mempelajari dan mempraktikkan gaya hidup masyarakat Melayu walaupun berbeza kaum.

Kajian ini diharapkan dapat menjadi pelengkap terhadap kajian-kajian lain yang menjalankan penyelidikan mengenai masyarakat Cina Peranakan. Kajian ini memerlukan penglibatan pengkaji sendiri dalam mencapai objektif-objektif yang disenaraikan. Pengkaji berpeluang mengetahui sejauh mana masyarakat Cina Peranakan dapat menyesuaikan diri dengan budaya Melayu. Melalui kajian pengaruh budaya Melayu terhadap masyarakat Cina Peranakan di Kampung Tokong, Ketereh, Kota Bharu, Kelantan, kajian ini dapat menyimpulkan sifat masyarakat Cina Peranakan apabila menerima kedatangan pengkaji daripada masyarakat Melayu ke kampung mereka bagi menyiapkan kajian.

## **1.6 Lokasi Kajian**


Kajian ini dijalankan di Kampung Tokong, Ketereh, Kota Bharu, Kelantan di mana kampung ini merupakan antara salah satu kampung yang didiami oleh masyarakat Cina Peranakan. Keseluruhan populasi masyarakat di Kampung Tokong terdiri daripada masyarakat Cina Peranakan yang telah lama menetap di kawasan tersebut. Penduduk masyarakat Cina Peranakan dianggarkan berjumlah seramai 2,000



hingga 3,000 orang. Masyarakat Cina Peranakan yang menetap di Kampung Tokong mengamalkan budaya Melayu. Ini kerana di sekeliling Kampung Tokong adalah kampung masyarakat Melayu. Lokasi Kampung Tokong yang berada di tengah-tengah daerah Keteroh mendorong penduduk Cina di Kampung Tokong menerima pengaruh budaya Melayu yang kuat.

Kampung Tokong dilihat sebagai sebuah kampung yang sedang membangun dari segi kemajuannya. Kampung Tokong memiliki pelbagai fasiliti seperti tokong sebagai tempat beribadat masyarakat Cina Peranakan, wakaf sebagai tempat berehat untuk masyarakat Cina Peranakan dan menara pemancar stesen telekomunikasi yang telah dinaik taraf ke 4G pada tahun 2021 untuk kemudahan masyarakat Cina Peranakan menggunakan talian internet. Masyarakat Cina Peranakan di Kampung Tokong juga memiliki persatuan. Masyarakat Cina Peranakan di kampung ini mempunyai laman web Facebook sebagai platform untuk mereka memuat naik aktiviti yang dijalankan. Masyarakat Cina Peranakan di Kampung Tokong juga sentiasa mengadakan kenduri atau majlis keramaian yang menghidangkan makanan Melayu yang menjadi makanan kebiasaan mereka. Selain itu, Kampung Tokong pernah dijadikan tempat orang ramai berkumpul untuk mendengar taklimat yang disampaikan oleh pihak-pihak tertentu. Contohnya, kampung ini pernah menjadi tempat untuk majlis berkenalan antara Pengarah Jabatan Saliran Kelantan iaitu wakil rakyat yang bertanggungjawab dalam bahagian kerja raya dengan masyarakat Cina Peranakan dan penduduk tempatan. Majlis tersebut dilaksanakan bertujuan untuk pihak tertentu memberi taklimat mengenai hakisan tebing sungai Kelantan yang telah berlaku.

## 1.7 Peta Kajian



Rajah 1.1: Lokasi Kampung Tokong, Ketereh, Kota Bharu, Kelantan

Sumber: Google Maps

Rajah 1.1 menunjukkan peta kajian Kampung Tokong yang terletak di daerah Ketereh, Kota Bharu, Kelantan. Kampung Tokong merupakan lokasi penempatan masyarakat Cina Peranakan dan lokasi kajian yang dijalankan oleh pengkaji.

## 1.8 Struktur Penyelidikan

Projek penyelidikan ini mengandungi lima bab. Bab satu adalah mengenai pengenalan kajian. Bab dua pula mengenai kajian literatur sebagai kajian sokongan dalam melaksanakan projek penyelidikan ini. Bab tiga berkenaan pendekatan yang digunakan untuk mendapatkan data daripada para informan. Kaedah analisis data turut disertakan dalam bab ini. Manakala, bab empat adalah mengenai dapatan kajian yang berhasil diperolehi daripada informan-informan sepanjang proses temu bual dilakukan. Beberapa subtopik telah disenaraikan bagi menjamin ketepatan data dalam mencapai setiap objektif yang telah ditetapkan. Bab lima adalah berkaitan dapatan utama yang diperolehi oleh pengkaji sepanjang menjalankan kajian ini. Cadangan bagi isu yang berlaku dalam kalangan masyarakat Cina Peranakan turut dimasukkan dalam bab ini.

Kajian mengenai pengaruh budaya Melayu terhadap masyarakat Cina Peranakan di Kampung Tokong, Ketereh, Kota Bharu, Kelantan dijalankan berikutan isu yang turut berlaku dalam kalangan masyarakat tersebut. Kebimbangan generasi tua masyarakat Cina Peranakan telah membuktikan bahawa masyarakat tersebut sangat menghargai budaya Melayu. Biarpun budaya Melayu bukan budaya asal mereka, namun mereka tetap menyanjung budaya tempatan malah khuatir jika budaya Melayu akan hilang disebabkan generasi mereka sendiri. Generasi muda golongan Cina Peranakan seharusnya sedar bahawa budaya Melayu yang mempengaruhi etnik mereka telah mewujudkan komuniti baharu walaupun pada asalnya mereka berketurunan Cina. Justeru, budaya Melayu dalam masyarakat Cina Peranakan perlulah sentiasa dijaga agar budaya ini terus kekal dan terpelihara.

## **BAB DUA**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.0 Pengenalan**

Bab Dua membincangkan mengenai definisi budaya yang ditakrifkan melalui kajian lepas yang telah dijalankan oleh beberapa orang pengkaji. Takrifan budaya yang dijelaskan dalam bab dua merupakan konsep yang diambil daripada para sarjana barat dan sarjana tempatan. Bab ini juga turut menjelaskan mengenai definisi sebenar masyarakat Cina Peranakan yang menceritakan sejarah dan asal usul kedatangan mereka dan bagaimana mereka telah dipengaruhi oleh budaya Melayu sehingga identiti asal mereka terhakis. Penerimaan masyarakat Cina Peranakan terhadap budaya Melayu yang mengubah kehidupan mereka membuktikan bahawa mereka sanggup kehilangan identiti asal. Proses pembentukan asimilasi juga turut dihuraikan dengan jelas dalam bab dua. Asimilasi budaya Melayu yang berlaku dalam kalangan masyarakat Cina Peranakan diterangkan dengan lebih terperinci dalam menilai sejauh mana budaya Melayu telah mengubah cara hidup masyarakat Cina Peranakan. Asimilasi budaya Melayu terhadap masyarakat Cina Peranakan dari segi ciri-ciri fizikal, pakaian, budaya makan, kediaman, bahasa dan agama diterangkan dengan lebih lanjut.

## 2.1 Definisi Budaya

Budaya adalah perkara yang dikaitkan dengan budi dan daya. Budi membawa maksud asli, sejati, pertama dan sempurna. Daya diistilahkan sebagai akal, jalan fikiran dan ciptaan (Yusof, 2010). Walau bagaimanapun, individu yang cuba mengatasi masalah dengan mencari jalan penyelesaian turut dikaitkan dengan maksud budi. Tenaga yang digunakan dalam melahirkan pemikiran untuk mengatasi masalah pula merujuk kepada istilah daya (Syed Mustapa & Maskon, 2010). Namun begitu, Syed Mustapa & Maskon (2010, hlm. 1-2) berpendapat bahawa sesuatu amalan yang diambil daripada hasil pemikiran adalah dianggap budaya. Endraswara (2006) menyatakan bahawa budaya atau 'culture' sebenarnya berasal daripada istilah bahasa Latin iaitu 'colere'. Seperti yang dinyatakan oleh Endraswara (2006), istilah 'budaya' merujuk kepada keseluruhan kehidupan manusia, serta aktiviti dan tindakan yang menghasilkan budaya itu sendiri. Walau bagaimanapun, berdasarkan kajian Abu Bakar (1987), beliau berpendapat bahawa budaya sukar ditafsirkan kerana ia mempunyai banyak pengertian yang berbeza dan menunjukkan bahawa tafsiran budaya berlainan antara sarjana barat dan tempatan.

Konsep budaya yang berbeza dikenal pasti melalui pandangan dan pemerhatian para sarjana menerusi kajian yang telah dijalankan oleh mereka. Raymond (1976, hlm. 87) menerangkan istilah 'culture' sukar ditakrifkan dalam bahasa Inggeris disebabkan kerumitan untuk memahami konsep budaya. Manakala Taylor (1974, hlm. 1) pula mendefinisikan budaya melalui bukunya iaitu "Primitive Culture" seperti:



*Culture or Civilization, taken in its wide ethnographic sense, is that complex whole which includes knowledge, belief, art, morals, law, customs, and any other capabilities and habits acquired by man as a member of society.*

Budaya ialah kajian tentang tindakan yang dilakukan oleh manusia kerana sangat kompleks dan memiliki banyak bidang (Taylor 1958, hlm. 1). Terdapat beberapa sarjana barat yang tidak bersetuju dengan perspektif Taylor (1958). Mereka berpendapat bahawa Taylor tidak menunjukkan perbezaan antara konsep budaya umum dan organisasi sosial (Milton, 1968). Menurut Linton (1947), budaya ialah set tingkah laku yang telah dipelajari dan dikaitkan dengan kehendak dan fungsi yang berterusan dalam masyarakat untuk dimanfaatkan bersama. Namun, menurut Kroeber (1972, hlm. 107) dalam bukunya "The Nature Of Culture", konsep adalah komponen penting budaya, seperti:

*...at any rate such human behavior as is influenced or conditioned by ideas of forms and in turn is engaged producing, maintaining or modifying them.*

Kroeber berpendapat bahawa bentuk idea mempengaruhi dan menggerakkan manusia sehingga mereka beralih ke arah penghasilan, penerusan dan pengubahsuaian dalam setiap keadaan. Budaya menurut Kluckhohn (1962, hlm. 25) adalah bahagian dalam kehidupan manusia di mana individu diajar untuk menjadi ahli kumpulan tertentu dan berkongsi tingkah laku mereka. Melalui kajian yang dilaksanakan oleh Endraswara (2006, hlm. 4) yang turut mengkaji penyelidikan yang dilakukan oleh Kroeber dan Kluckhohn, beliau menyimpulkan budaya merangkumi kepandaian seseorang sehingga



kelihatan kompleks selain daripada cara untuk manusia menyesuaikan diri dengan persekitarannya melalui psikologi.

Konsep budaya yang dianalisis telah membuktikan bahawa budaya terdiri daripada dua kategori iaitu realistik dan idealistik. Budaya dari segi kaedah realistik dengan menggunakan pemerhatian bermaksud tumpuan terhadap tingkah laku manusia dalam memahami sesuatu budaya dalam masyarakat. Budaya dari segi kaedah idealistik dengan menggunakan penganalisan pula adalah tumpuan terhadap nilai dan norma yang disokong oleh masyarakat untuk memahami budaya (Garbarino, 1977).

Menurut perspektif Macionis (1987, hlm. 62), budaya boleh ditakrifkan sebagai kebendaan, nilai, kepercayaan dan tingkah laku yang dimiliki oleh semua orang dalam komuniti tertentu. Budaya boleh dibahagikan kepada budaya kebendaan dan bukan kebendaan. Bangunan, seni, alat permainan, media elektronik, peralatan dan ciptaan manusia lain adalah semua contoh budaya kebendaan. Budaya bukan kebendaan adalah ciptaan manusia yang tidak nyata iaitu undang-undang dan kepercayaan masyarakat. Buku 'The Interpretation Of Culture' idea daripada Geertz (1973, hlm. 4) mengusulkan budaya sebagai cara hidup manusia yang menyeluruh, warisan sosial daripada seseorang, cara berfikir, ringkasan daripada tingkah laku, teori tentang cara sebenar sesuatu kumpulan, gudang pembelajaran kumpulan dan teknik masyarakat dalam menyesuaikan diri dengan persekitaran. Menurut Sangar (2011, hlm. 14), budaya terdiri daripada semua nilai, norma, struktur, agama, pemikiran intelektual, dan nilai estetika masyarakat tertentu. Budaya juga adalah proses yang memperlihatkan pemikiran terhadap

perkembangan spiritual dan intelektual serta pandangan tertentu masyarakat bagi satu jangka masa (Storey, 1993).

Simbol-simbol yang mempunyai maksud tertentu merupakan unsur penting dalam proses pembelajaran budaya. Budaya adalah sesuatu yang dipraktikkan oleh individu dan dipindahkan ke individu yang lain melalui simbol tertentu (Nolan, 1999). Kebanyakan budaya diketahui melalui simbol daripada masyarakat yang lebih tua kepada masyarakat yang baharu (Hoebal, 1966). Melalui pandangan tersebut, ianya dapat membuktikan bahawa bahasa adalah simbol sangat penting dan tanpanya manusia tidak boleh mendapat maklumat malah budaya juga tidak boleh dikembangkan (Johnson, 1995). Pentakrifan budaya juga merujuk kepada cara berfikir yang meliputi kepercayaan, sistem nilai, ilmu pengetahuan, moral, bahasa, seni, undang-undang dan tingkah laku yang merujuk kepada adat, kebiasaan dan fesyen (Brecht, 2000).

Budaya yang bersifat interpretatif dapat membantu masyarakat yang menghadapi permasalahan dalam kehidupan, dan budaya cenderung untuk mengalami perubahan untuk penyesuaian dalam masyarakat (Geertz, 1973). Sulaiman (2008) menyokong pendapat tersebut dalam kajiannya dengan menyatakan bahawa manusia yang hidup pada suatu ketika dahulu dan kini mengamalkan budaya yang memiliki persamaan namun boleh berubah apabila masyarakat mempunyai kesedaran baharu. Barker (2012) menyatakan 'we should not ask what is culture 'is'. Rather, we need to enquire about how the language of culture is used and for what purpose' yang bermaksud definisi budaya bergantung kepada pemikiran individu.

Selain daripada pelbagai takrifan budaya daripada sarjana barat, sarjana tempatan juga turut memiliki definisi tersendiri mengenai budaya. Kajian yang dilakukan oleh Yusof (2010, hlm. 76-85) memiliki pendapat yang hampir sama dengan sarjana barat yang menegaskan bahawa budaya adalah cara hidup masyarakat yang berdasarkan kebendaan dan bukan kebendaan. Kajian sarjana ini juga merumuskan bahawa walaupun budaya setiap masyarakat berbeza namun ianya tetap memiliki ciri-ciri seperti perubahan yang berlaku mengikut masa dan keadaan. Ianya juga boleh dipelajari di mana budaya yang diikuti oleh seseorang bukanlah daripada perasaannya tetapi daripada proses pembelajaran. Budaya boleh dikongsi bersama seperti bahasa dan symbol untuk berkomunikasi serta budaya juga bersifat integratif. Ismail (2010, hlm. 5) berpendapat bahawa kesusasteraan, sejarah, politik, seni bina, lukisan, muzik, falsafah, dan sistem seni boleh mencerminkan aspek kemanusiaan.

Gaya hidup dalam sesebuah masyarakat lahir daripada budaya sehingga ianya mampu membezakan satu masyarakat dengan masyarakat yang lain disebabkan perbezaan dalam kehidupan seharian. Selain itu, berdasarkan kajian 'Pengajian Sosial' yang dijalankan oleh Abdullah (2009) dapat menyimpulkan budaya sebagai susunan perilaku yang diguna bersama dalam lapisan masyarakat yang menjadi satu kelompok budaya. Budaya, menurut Deraman (1975) adalah cara hidup yang berasal daripada pengumpulan idea, perasaan, nilai abstrak dan bahan artifak yang diwarisi. Menurut Deraman (2003), budaya terdiri daripada pelbagai aspek, termasuk rangka kerja idea, perasaan kelompok, nilai dan kepercayaan masyarakat, lambang dan ciptaan masyarakat, serta idea tentang warisan.

Abu Bakar (1987, hlm. 5) mentakrifkan budaya sebagai materialistik dan bukan materialistik. Peralatan kehidupan seperti pakaian, rumah, peralatan rumah, senjata dan pengangkutan menunjukkan budaya materialistik. Manakala budaya bukan materialistik adalah kesenian seperti muzik, adat istiadat seperti upacara, bahasa seperti lisan dan tulisan dan seterusnya kepercayaan termasuklah ideologi. Kajian yang dijalankan oleh Ting Che Peh (1997, hlm. 28) mengutarakan persekitaran sosial telah mewarnai budaya dalam kehidupan masyarakat dan ianya akan berterusan. Manimaram (2008) mentakrifkan budaya sebagai kesempurnaan moral dan budi. Syed Mustapa (2010, hlm. 4) melihat budaya seperti kelengkapan intelektual dan dapat membentuk nilai untuk diterima oleh masyarakat bagi memenuhi kehendak mereka dengan sekelilingnya. Ianya jelas membuktikan budaya tidak bercanggah dengan apa yang diinginkan oleh masyarakat.

Walau bagaimanapun, takrifan budaya turut dilihat dari konteks sempit dan luas oleh sarjana tempatan. Dalam konteks luas, budaya bermaksud semua aktiviti, kegiatan dan tingkah laku manusia untuk mencapai kesempurnaan dalam kehidupan mereka, manakala dalam konteks sempit, budaya termasuk elemen kesucian dan adat resam yang unik (Hussein, 1965). Salleh (1997) menegaskan budaya merupakan kelakuan manusia. Selain itu, budaya adalah hasil yang diperolehi daripada interaksi sosial antara masyarakat (Mok Soon Sang, 2003). Omar (2011, hlm. 77) juga menyatakan masyarakat berbudaya adalah masyarakat bertamadun kerana menepati ciri-ciri yang boleh membentuk kesempurnaan moral, dapat mewujudkan kesatuan sosial dan budaya juga dianggap sebagai warisan sosial.

## 2.2 Masyarakat Cina Peranakan

Cina Peranakan merupakan subetnik Cina yang memperlihatkan ciri-ciri budaya dan identiti tersendiri. Ciri-ciri budaya dan identiti masyarakat Cina Peranakan terhasil daripada proses asimilasi yang dialami oleh masyarakat ini sejak awal lagi susulan daripada proses interaksi yang kerap antara masyarakat Cina Peranakan dengan penduduk Melayu tempatan (Tan Yao Sua et al., 2014). Proses asimilasi yang berlaku terhadap masyarakat Cina Peranakan telah memupuk identiti Melayu terutama aspek sosiobudaya dalam kalangan masyarakat tersebut. Meskipun begitu, masyarakat Cina Peranakan bukan sahaja diasimilasi dengan identiti Melayu, bahkan terdapat juga identiti tambahan hasil percampuran dengan masyarakat Siam namun identiti tersebut tidak begitu dominan seperti identiti Melayu dalam diri mereka. Hakikatnya, identiti Melayu adalah identiti asimilasi teras mereka (Tan Yao Sua et al., 2014). Walaupun begitu, masyarakat Cina Peranakan masih lagi mengekalkan identiti asal mereka sebagai etnik Cina menerusi beberapa amalan dan tradisi tertentu. Pemupukan identiti Melayu terhadap masyarakat Cina Peranakan merupakan keunikan yang menonjolkan masyarakat Cina Peranakan sebagai sekumpulan subetnik Cina yang terdapat di Malaysia di mana berbeza dengan masyarakat Cina jati (Tan Yao Sua et al., 2014).

## 2.3 Sejarah Masyarakat Cina Peranakan

Kaum Cina adalah populasi kedua terbesar di Malaysia selepas kaum Melayu. Namun begitu, kaum Cina bukanlah penduduk peribumi atau penduduk asal di negara ini sebaliknya mereka berpindah dari Tanah Besar China sebagai 'diaspora China' atas

pelbagai tujuan terutamanya ekonomi dan perdagangan (Abdul Kadir, 2016). Istilah 'diaspora' bermaksud masyarakat yang datang dari rumpun sama dan tersebar ke seluruh dunia. Istilah ini juga memperlihatkan identiti beberapa masyarakat minoriti Cina Peranakan sebelum mereka diasimilasi dan membentuk budaya baharu (Abdul Kadir, 2016). Selain itu, istilah 'Peranakan' berasal daripada 'anak', manakala 'Peranakan Cina' merujuk kepada subkumpulan etnik kelahiran tempatan yang mengamalkan budaya asal mereka dengan unsur tempatan (Abdul Kadir, 2016). Cina Peranakan berbeza dengan Cina asli berikutan identiti mereka yang tidak selari dengan amalan budaya asal. Walaupun identiti mereka berbeza, namun ia menyerlahkan keunikan mereka sebagai etnik yang di identifikasikan Malaysia sebagai tanah kelahiran walaupun China adalah negara asal mereka.

Masyarakat Cina Peranakan di Malaysia juga terdapat di negeri Melaka, Pulau Pinang, Terengganu dan Kelantan. Majoriti Cina Peranakan Melaka dan Pulau Pinang adalah saudagar dan pedagang manakala Cina Peranakan Kelantan merupakan petani Hokkien yang berhijrah disebabkan menghadapi kesusahan di negara China demi mencari kehidupan yang selesa (Abdul Kadir, 2016). Masyarakat Cina Peranakan datang ke Tanah Melayu beratus tahun lebih awal daripada imigran Cina pada abad ke-19 atas tujuan ekonomi (Abdul Kadir, 2016). Kebanyakan Cina Peranakan Kelantan menetap di persisiran Sungai Kelantan. Pada awalnya, masyarakat Cina di Kelantan didominasi oleh kaum lelaki. Mereka hanya datang ke negeri ini mencari rezeki untuk dibawa pulang kepada ibu bapa dan anak isteri mereka di Tanah Besar China. Namun begitu, segelintir daripada mereka datang kembali ke Kelantan dengan membawa keluarga dan memilih untuk menetap di Kelantan malah ada juga yang berkahwin campur dengan wanita Siam



tempatan di negeri ini (Abdul Kadir, 2016). Keputusan mereka untuk bermastautin memerlukan pelbagai usaha yang perlu dilakukan agar diterima oleh penduduk tempatan.

Perkahwinan antara lelaki Cina dan perempuan Melayu telah wujud sebelum agama Islam mendominasi negeri Kelantan. Walau bagaimanapun, lelaki Cina lebih memilih perkahwinan campur dengan wanita Siam tempatan kerana mereka keberatan untuk menukar agama dan identiti asal jika berkahwin dengan wanita Melayu tempatan. Namun begitu, negeri Kelantan pernah meletakkan larangan kepada lelaki Cina untuk menikahi wanita Melayu tempatan pada waktu dahulu (Abdul Kadir, 2016). Oleh itu, lelaki Cina berkahwin campur dengan wanita Siam tempatan dan hidup dalam komuniti Melayu selama beberapa generasi. Akhirnya, wujud etnik Cina Peranakan, yang terdiri daripada orang Cina, Melayu, dan Siam (Abdul Kadir, 2016). Satu-satunya kumpulan di Asia Tenggara yang mengalami tahap asimilasi yang tinggi terhadap budaya yang digunakan ialah masyarakat Cina Peranakan.


Amalan sosial dan budaya masyarakat Cina Peranakan telah membentuk identiti mereka. Namun begitu, perkahwinan bukanlah syarat untuk diiktiraf sebagai Cina Peranakan, sebaliknya ia ditentukan dengan amalan budaya yang serupa dengan orang Melayu tempatan. Mengikut Abdul Kadir (2016), apabila masyarakat Cina tiba di Kelantan, pelbagai aspek budaya Melayu telah dipinjam untuk disesuaikan dengan budaya asal mereka. Ini adalah hasil daripada proses asimilasi, iaitu proses sosial yang berlaku apabila sekumpulan masyarakat lain terdedah kepada kebudayaan lain dan diterima sebagai kebudayaannya tanpa menghilangkan unsur asal mereka (Abdul Kadir, 2016). Proses ini memberi kesan yang mampu membezakan golongan Cina Peranakan

daripada Cina Asli melalui bahasa, pakaian, makanan, aktiviti rekreasi, adat dan kepercayaan.

#### **2.4 Takrifan Asimilasi**

Asimilasi diambil daripada bahasa Latin iaitu ‘assimilare’ di mana ianya membawa maksud ‘menjadi sama’ (Hendropuspito, 1989). Istilah asimilasi dalam bahasa Inggeris pula disebut ‘assimilation’ dan proses ini berlaku melalui peringkat-peringkat dan mengambil masa yang lama (Horton & Hunt, 1990). Abramson (1994) menyatakan proses asimilasi akan meningkatkan kesamaan dalam masyarakat. Manakala, Yinger (1985) mentakrifkan asimilasi sebagai pengurangan perbezaan yang berlaku apabila dua masyarakat atau lebih bertemu. Proses asimilasi yang berlaku dalam masyarakat Cina Peranakan mengurangkan sedikit demi sedikit perbezaan antara kelompok masyarakat Cina Peranakan dengan masyarakat Melayu tempatan. Barry (2010) menyatakan asimilasi melibatkan proses penyerapan budaya sesebuah kumpulan dengan kumpulan yang lain yang lebih besar. Asimilasi yang berlaku menyebabkan kumpulan yang telah diasimilasikan kehilangan identiti asal dan kesedaran etnisiti. Walau bagaimanapun, asimilasi dan akulturasi turut berkait namun tidak bergantung (Belle & Ward, 1996). Meskipun asimilasi mempunyai kaitan namun asimilasi merujuk kepada perubahan etnik di mana ianya bersifat sehala. Akulturasi pula bersifat dua hala yang melibatkan perubahan budaya (Tan Chee Beng, 1984). Kajian yang dilakukan oleh Barry (2010) menunjukkan asimilasi boleh berlaku jika proses akulturasi tinggi sehingga tiada perbezaan budaya antara kumpulan yang berlainan.

### 2.4.1 Proses Pembentukan Asimilasi



Rajah 2.1: Proses Pembentukan Asimilasi

Rajah 2.1 menunjukkan proses pembentukan asimilasi yang berlaku dalam sesebuah kumpulan dengan kumpulan yang lain. Proses asimilasi menyebabkan identiti dan budaya asal kumpulan yang mengalami proses ini hilang kerana dipengaruhi dengan budaya baru. Berdasarkan rajah tersebut, 'A' mewakili masyarakat Cina Peranakan manakala 'B' mewakili masyarakat Melayu tempatan. Kedatangan masyarakat Cina Peranakan yang datang ke Kelantan telah menyebabkan budaya dan cara hidup mereka telah diasimilasi dengan penduduk tempatan sehingga menyebabkan percampuran budaya.

### 2.5 Asimilasi Budaya Melayu Dalam Masyarakat Cina Peranakan

Budaya Melayu sangat ketara dalam kalangan masyarakat Cina Peranakan. Masyarakat Cina Peranakan Kelantan telah mengamalkan hampir kesemua budaya Melayu seperti budaya makan, cara pemakanan malah pakaian juga telah membezakan identiti masyarakat Cina Peranakan (Teo Kok Seong, 2003). Walau bagaimanapun,

masyarakat Cina Peranakan masih meletakkan diri mereka sebagai etnik Cina meskipun mereka telah diasimilasi dengan unsur budaya Melayu (Teo Kok Seong, 2003). Dari segi budaya pemakanan, masih terdapat lagi masyarakat Cina Peranakan yang makan daging khinzir namun mereka hanya makan secara privasi sahaja demi menghormati budaya Melayu. Cara hidup mereka juga mengikut adat Melayu (Teo Kok Seong, 2003).

Meskipun masyarakat Cina Peranakan telah bercampur dengan budaya Melayu, ianya bukanlah bermaksud masyarakat Cina Peranakan meninggalkan terus kepercayaan dan adat resam asal mereka. Masyarakat ini masih lagi mengamalkan kepercayaan dan adat resam tersebut namun di rumah sahaja. Sebagai contoh, masyarakat Cina Peranakan melakukan penyembelihan khinzir secara rahsia di kawasan terpencil yang jauh daripada rumah penduduk Melayu tempatan (Teo Kok Seong, 2003).

Asimilasi yang berlaku terhadap masyarakat Cina Peranakan telah mendorong mereka untuk menggunakan nama panggilan Melayu. Malah, kebolehan mereka dalam menyapa penduduk Melayu juga sangat hebat (Teo Kok Seong, 2003). Namun begitu, masyarakat Cina Peranakan kurang mahir dalam mempersembahkan hiburan Cina jati seperti opera tradisional sehingga menjadikan persembahan tersebut tidak popular dalam kalangan mereka. Kajian yang dilakukan oleh Teo Kok Seong (2003, hlm. 59) menyatakan masyarakat Cina Peranakan kurang fasih berbahasa Hokkien menyebabkan mereka tidak berkebolehan dalam mengikuti jalan cerita berdasarkan naratif klasik dari rakyat China. Sebaliknya, kehebatan mereka bertutur dalam bahasa Melayu mendorong mereka untuk lebih meminati seni persembahan masyarakat Melayu.

### 2.5.1 Ciri-Ciri Fizikal Masyarakat Cina Peranakan

Ciri fizikal dapat memberi gambaran terhadap etnik seseorang. Masyarakat Cina Peranakan mempunyai ciri fizikal yang mirip dengan masyarakat tempatan di mana mata yang lebih besar dan rona kulit lebih gelap dan sawo matang (Abdul Kadir, 2016). Masyarakat Cina Peranakan juga berambut ikal (Teo Kok Seong, 2003). Jika dibandingkan dengan Cina jati, mereka bermata sepet dan rona kulit pula cerah dan kuning langsung. Selain itu, wajah masyarakat Cina Peranakan pula lebih kurang sama dengan rupa paras masyarakat Melayu tempatan dan masyarakat Thailand khususnya golongan lelaki (Teo Kok Seong, 2003). Ciri-ciri fizikal ini menyebabkan mereka dikenali sebagai masyarakat Cina Peranakan. Ciri-ciri fizikal yang menyerupai Melayu dan Thailand turut memberi impak kepada golongan Cina Peranakan juga kerana mereka sukar untuk mengenali sesama sendiri terutamanya yang menetap di kawasan berlainan (Teo Kok Seong, 2003). Walau bagaimanapun, sifat kemelayuan dalam diri masyarakat Cina Peranakan lebih terserlah ketika mereka berjabat tangan, makan, mengunyah sيره dan pinang dan menghisap rokok daun (rokok jerami) (Gosling, 1964 & Nash, 1974).

### 2.5.2 Pakaian Masyarakat Cina Peranakan

Golongan wanita berumur masyarakat Cina Peranakan gemar memakai 'kain' atau 'sa-rung' (kain batik bercorak bunga). Kain batik tersebut dipakai seperti skirt panjang bersama blaus berlengan pendek secara terbuka (Teo Kok Seong, 2003). Cara pemakaian ini adalah identiti masyarakat Cina Peranakan. Cara pemakaian ini juga membezakan antara masyarakat Cina Peranakan dan masyarakat Cina jati di mana

masyarakat Cina jati tidak berpakaian begitu di tempat terbuka. Manakala, golongan lelaki masyarakat Cina Peranakan akan memakai 'kain pelikat' (kain sarung bercorak kotak-kotak). Kain pelikat ini juga dipakai secara terbuka oleh masyarakat Cina Peranakan (Teo Kok Seong, 2003). Golongan lelaki dalam masyarakat ini turut mengenakan semutar daripada kain yang diikat pada pinggang (kain batik lepas) untuk menutup kepala (Teo Kok Seong, 2003).

Seterusnya, golongan wanita masyarakat Cina Peranakan juga gemar memakai 'baju bandung'. 'Baju bandung' merupakan sejenis blaus lengan panjang yang dipakai bersama kain sarung di mana pakaian ini sama dengan 'baju kebaya' (Teo Kok Seong, 2003). 'Baju bandung' dijahit menggunakan renda separa lutsinar dan turut terdapat sulaman bunga yang dijahit pada kolar baju sehingga bahagian hadapan 'baju bandung'. Sulaman bunga juga turut terdapat di lengan baju. Baju ini kebiasaannya ketat dan mencecah sehingga pinggul. 'Baju bandung' tidak berbutang sebaliknya baju ini dipakai dengan tiga bentuk kerongsang tunggal atau kerongsang berantai untuk mengancing bahagian hadapan baju (Teo Kok Seong, 2003). Warna kain juga penting untuk masyarakat Cina Peranakan di mana warna hitam, biru dan hijau adalah simbol perkabungan masyarakat Cina Peranakan (Teo Kok Seong, 2003).

### 2.5.3 Budaya Makan Masyarakat Cina Peranakan

Berdasarkan kajian Teo Kok Seong (2003, hlm. 61-63), masyarakat Cina Peranakan makan menggunakan tangan kanan kerana tidak mahir menggunakan penyepit. Namun begitu, walaupun mereka tidak menggunakan penyepit untuk makan,



tetapi mereka tetap menyimpan penyepit untuk digunakan ketika upacara keagamaan dan sebagai simbol identiti etnik Cina. 'Makanan korban' yang dipersembahkan kepada dewa dan nenek moyang semasa perayaan juga adalah makanan yang dimasak menggunakan ramuan dan mengikut gaya masakan Melayu. Ini kerana masyarakat Cina Peranakan tidak berkemahiran untuk menggunakan bahan-bahan masakan Cina untuk menyediakan makanan (Teo Kok Seong, 2003). Makanan yang kebiasaannya dihidangkan di rumah mereka dimasak menggunakan serai, lengkuas dan budu. Manakala, hidangan makanan untuk tetamu ketika kenduri pula adalah nasi kerabu (nasi berwarna biru yang dimakan bersama budu, rempah ratus, ikan tenggiri, kelapa parut dan sayur-sayuran), nasi dagang (nasi pulut yang dimakan bersama daging atau kari ikan) dan pulut kuning yang dimakan dengan kari daging atau kelapa parut manis (Teo Kok Seong, 2003).

#### 2.5.4 Kediaman Masyarakat Cina Peranakan

Seni bina rumah masyarakat Cina Peranakan mengikut bentuk geomantik Cina (Teo Kok Seong, 2003). Kediaman mereka dibina dengan gaya tradisional yang berbentuk segi empat tepat untuk menunjukkan terdapat gabungan corak seni bina Cina, Melayu dan Thailand (Teo Kok Seong, 2003). Pengaruh Melayu pada rumah masyarakat Cina Peranakan adalah pada bahagian utama rumah dan tangga daripada kayu atau konkrit yang dibina pada bahagian hadapan tengah beranda. Manakala, pengaruh Thailand pada rumah masyarakat Cina Peranakan adalah pada bumbungnya yang berbentuk pelana, dinding daripada anyaman buluh, beranda terbuka dan rumah berbentuk dua tingkat. Selain itu, masyarakat Cina Peranakan hanya menggunakan mezbah dalam rumah sebagai tempat untuk upacara pengebumian sahaja (Teo Kok

Seong, 2003). Mezbah digunakan untuk meletak keranda. Bahagian tersebut tidak akan digunakan untuk tetamu kerana bagi masyarakat Cina Peranakan bahagian dalam rumah sangat gelap walaupun pada siang hari dan tidak berventilasi. Rumah masyarakat Cina Peranakan juga tidak mempunyai tingkap sebaliknya hanya ada dua bukaan persegi kecil yang dipasang dengan palang besi di sisi pintu masuk utama (Teo Kok Seong, 2003).

Bendul juga dibina secara melintang di lantai untuk memisahkan mezbah dengan pintu masuk utama. Setiap bilik dan bahagian yang ada dalam rumah juga turut dipisahkan dengan bendul (Teo Kok Seong, 2003). Beranda pula tempat untuk masyarakat Cina Peranakan menghabiskan masa di rumah. Beranda juga merupakan tempat menyambut tetamu dan tetamu akan duduk di atas lantai papan kayu (Teo Kok Seong, 2003). Manakala, 'lian' atau 'aksara Cina yang ditulis di atas kertas merah' akan ditampal pada bahagian tepi pintu masuk utama. 'Lian' dilekatkan untuk melambangkan kebahagiaan, kemakmuran dan panjang umur. Malah, aksara Cina ini juga sebagai simbol untuk penerusan tradisi budaya purba yang masih digunakan oleh masyarakat Cina Peranakan (Teo Kok Seong, 2003).

#### 2.5.5 Bahasa Dalam Masyarakat Cina Peranakan

Bahasa berperanan dalam menentukan identiti sesebuah masyarakat. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Teo Kok Seong (2003), masyarakat Cina Peranakan fasih dalam berbahasa Melayu Kelantan dari segi gaya bahasa dan interaksi sosial. Bagi masyarakat Cina Peranakan yang berpendidikan, mereka fasih menggunakan bahasa Inggeris dan Mandarin malah kefasihan tersebut membuktikan kemodenan dan status

pendidikan mereka. Namun begitu, masyarakat Cina Peranakan juga ada yang fasih menggunakan bahasa Melayu tempatan dan bahasa Thailand tempatan. Kepandaian mereka dalam penggunaan bahasa adalah lambang penting untuk identiti masyarakat tersebut di samping membuktikan perpaduan antara masyarakat Cina Peranakan dengan penduduk tempatan (Teo Kok Seong, 2003). Masyarakat Cina Peranakan juga mempunyai persamaan dengan Baba Nyonya di Melaka dan Cina Peranakan di Jawa, Indonesia dari segi budaya. Sejarah Cina Peranakan yang mengalami proses asimilasi adalah berbeza kerana melibatkan penggunaan bahasa. Masyarakat Cina Peranakan yang kehilangan penggunaan bahasa Cina telah digantikan dengan bahasa lain. Ini boleh dibuktikan dengan perubahan yang berlaku dalam kes Cina Peranakan di Jawa (Wolff & Poedjosoedarmo, 1982) dan kes Baba Nyonya di Melaka (Tan, 1980).

#### 2.5.6 Agama Dalam Masyarakat Cina Peranakan

Agama merupakan identiti bagi masyarakat Cina Peranakan. Selain daripada bahasa yang membezakan masyarakat Cina Peranakan dengan masyarakat Cina jati, agama juga menyumbang kepada pengekalan identiti masyarakat ini. Walaupun masyarakat Cina Peranakan telah diasimilasi dengan budaya Melayu sehingga mempengaruhi cara hidup, namun agama mereka bukanlah Islam (Teo Kok Seong, 2003). Masyarakat Cina Peranakan mengamalkan ajaran 'Thai Theravada Buddhism' (Teo Kok Seong, 2003). 'Thai Theravada Buddhism' adalah kepercayaan Buddha mengikut cara Thai. Ajaran ini adalah tentang belas kasihan, toleransi dan berusaha untuk mengurangkan penderitaan. Ajaran ini dianggap sebagai falsafah kerana tidak ada Tuhan (Geplaatst, 2022). Masyarakat Cina Peranakan juga turut mengamalkan agama Taoisme,

Konfusianisme serta kepercayaan animisme Melayu Kelantan (Teo Kok Seong, 2003). Walaupun masyarakat Cina Peranakan menganut agama ‘Thai Theravada Buddhism’, namun mereka menguruskan kematian dengan cara pengebumian dan bukan pembakaran. Ini kerana masyarakat Cina Peranakan beranggapan bahawa pembakaran mayat hanyalah untuk kematian ‘buruk’ seperti kemalangan dan bunuh diri (Tao Kok Seong, 2003). Malah, masyarakat Cina Peranakan juga masih lagi menyembah nenek moyang sehingga penyembahan itu turut menjadi antara lambang identiti mereka. Walaupun masyarakat Cina Peranakan rapat dengan masyarakat Melayu, mereka sukar memeluk agama Islam kerana mereka masih tidak biasa dengan selok-belok agama Islam (Tao Kok Seong, 2003). Pendapat daripada Tao Kok Seong (2003) menegaskan tidak kira betapa ‘Melayu’ masyarakat Cina Peranakan tersebut dari segi tingkah laku sosial dan budaya, mereka tetap kaum Cina dan bukan beragama Islam.

## **2.6 Aplikasi Teori: Teori Asimilasi**

Teori asimilasi daripada Park & Burgess (1921) iaitu asimilasi adalah proses interpretasi seseorang atau sesuatu kelompok memperoleh kenangan, sentimen serta sikap orang lain juga sehingga membawa kepada perkongsian pengalaman dan sejarah antara kedua-duanya sehingga digabungkan dalam kehidupan bersama. Teori ini dipilih kerana bertepatan dengan kajian yang dijalankan memandangkan proses asimilasi dapat dilihat jelas dalam masyarakat Cina Peranakan di Kampung Tokong, Ketereh, Kota Bharu, Kelantan.

## 2.7 Kesimpulan

Proses asimilasi yang berlaku terhadap masyarakat Cina Peranakan sememangnya dapat membantu pengkaji untuk melihat identiti masyarakat Cina Peranakan dengan lebih mendalam. Masyarakat Cina Peranakan yang dipengaruhi oleh budaya Melayu telah membezakan mereka dengan masyarakat yang lain terutamanya dengan masyarakat Cina jati. Keistimewaan yang terdapat pada masyarakat Cina Peranakan dari segi ciri-ciri fizikal, pakaian, budaya makan, kediaman, bahasa dan agama telah menjadi lambang identiti masyarakat Cina Peranakan yang unik. Kewujudan masyarakat Cina Peranakan telah membuktikan bahawa banyak proses asimilasi sosial dan budaya telah berlaku sehingga mampu mengubah cara hidup sesebuah masyarakat menjadi masyarakat.

## **BAB TIGA**

### **METODOLOGI DAN ANALISIS DATA**

#### **3.0 Pengenalan**

Bab Tiga menjelaskan mengenai kaedah yang digunakan ketika menjalankan kajian mengenai pengaruh budaya Melayu terhadap masyarakat Cina Peranakan di Kampung Tokong, Ketereh, Kota Bharu, Kelantan. Kajian yang dijalankan dengan menggunakan pendekatan kualitatif digunakan untuk menjawab persoalan dan objektif kajian. Kajian kes adalah kaedah yang digunakan dalam kajian ini dengan melibatkan proses temu bual dan pemerhatian bagi mengumpulkan data. Selain itu, bab ini menerangkan mengenai pensampelan kajian bagi mendapatkan informan. Persampelan kajian yang digunakan adalah melalui dua bentuk teknik iaitu persampelan bertujuan dan persampelan bebola salji. Akhir sekali, bab ini menjelaskan dengan lebih lanjut mengenai analisis tematik bagi menganalisis data daripada temu bual informan.

#### **3.1 Pendekatan Kajian**

Pendekatan kajian mengenai pengaruh budaya Melayu terhadap masyarakat Cina Peranakan di Kampung Tokong, Ketereh, Kota Bharu, Kelantan adalah menggunakan pendekatan kualitatif. Kajian yang menggunakan pendekatan kualitatif memberi tumpuan kepada perkataan daripada pengiraan data (Bryman, 2008). Pendekatan ini digunakan



sebagai metod untuk mendapatkan 'thick data' bagi menghuraikan konteks sosial melalui penyampaian daripada informan.

### 3.1.1 Pendekatan Kualitatif

Pendekatan kualitatif dipilih bagi melaksanakan kajian kerana kaedah tersebut merupakan kaedah yang bergantung kepada teks serta imej. Kaedah kualitatif juga dilihat sesuai dengan tujuan utama kajian ini di mana kaedah tersebut memiliki beberapa langkah unik dalam membantu menganalisis data yang diperlukan daripada informan. Kaedah ini terdiri daripada bentuk-bentuk yang pelbagai seperti temu bual dan pemerhatian serta boleh digunakan sebagai medium untuk mencapai objektif yang diinginkan dalam kajian yang akan dijalankan nanti.

### 3.1.2 Ciri-Ciri Pendekatan Kualitatif

Ciri-ciri yang terdapat dalam kaedah kualitatif juga dilihat bersesuaian dengan kajian seperti 'natural setting' yang memerlukan penglibatan pengkaji untuk berada di lokasi kajian yang dipilih. Kajian ini menggunakan kajian kes dalam mendapatkan data dan merangkumi dua bentuk proses pengumpulan data iaitu temu bual mendalam (*in-depth interview*) bersama informan yang dipilih serta pemerhatian di lokasi berkenaan. Kaedah kajian kes dipilih dalam pendekatan kualitatif disebabkan kajian ini hanya memfokuskan kajian yang spesifik sahaja.

### 3.1.3 Kajian Kes

Kaedah kajian kes dipilih oleh pengkaji untuk meneroka kehidupan sebenar masyarakat Cina Peranakan yang menerima pengaruh budaya Melayu. Kajian kes merupakan kaedah penyelidikan secara mendalam dan terperinci mengenai kajian yang dijalankan melalui pelbagai sumber seperti pemerhatian, temu bual, alat bantuan kajian dan nota lapangan. Yin (2009) berpendapat bahawa kajian kes adalah penyelidikan empirikal bagi menyiasat fenomena kontemporari dengan mendalam dan dalam konteks kehidupan sebenar. Kajian kes digunakan untuk memahami isu bagi setiap persoalan kajian ataupun kes yang dipilih serta melihat isu dengan lebih jelas. Kajian kes ini dikenali sebagai kes instrumental.

Cresswell (2008) menyatakan bahawa kajian kes adalah penyelidikan yang memfokuskan kepada projek, program atau aktiviti tertentu di mana kaedah ini dilaksanakan secara mendalam oleh individu berbanding aktiviti yang dijalankan dalam kumpulan. Pendekatan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah kajian kes turut menggambarkan sesuatu kes yang dikaji adalah unik sehingga mampu memberi minat kepada pengkaji untuk menerangkan kajian yang dilakukan dengan terperinci. Kajian kes juga dipanggil sebagai kes intrinsik.

## 3.2 Kaedah Kajian

Kajian mengenai pengaruh budaya Melayu terhadap masyarakat Cina Peranakan di Kampung Tokong, Ketereh, Kota Bharu, Kelantan adalah menggunakan kaedah temu bual mendalam dan pemerhatian di kampung berkenaan.

### 3.2.1 Kaedah Temu Bual

Temu bual merupakan komunikasi dua hala yang dilakukan bertujuan untuk mengumpulkan data yang diperlukan untuk sesuatu kajian. Kaedah temu bual dilaksanakan bagi membantu pengkaji agar dapat mengetahui dengan lebih jelas tentang kajian kes di lokasi yang dipilih dan dapat membantu menerangkan dengan mendalam akan permasalahan yang timbul hasil daripada apa yang berlaku di kawasan berkenaan. Menurut Denzin (2002), temu bual bukanlah satu-satunya kaedah untuk mengumpul data, sebaliknya ia perlu bersifat reflektif dan dapat menggambarkan situasi atau peristiwa sebenar. Temu bual yang digunakan adalah berbentuk 'semi-structured' iaitu segala soalan yang diutarakan terhadap informan bersifat soalan terbuka dan bukanlah mengikut senarai soalan yang telah distrukturkan.

Temu bual yang digunakan di dalam kajian ini berbentuk informal dan mengandungi soalan berbentuk 'open-ended' di mana informan perlu menghuraikan dengan lebih lanjut bagi maksud jawapan mereka. Kaedah temu bual ini juga dijalankan melalui interaksi secara bersemuka antara pengkaji dan informan-informan tersebut. Bagi

menjamin keselamatan data-data yang diperolehi daripada beberapa informan yang terlibat ketika ditemu bual agar tidak hilang, segala temu bual yang dilaksanakan akan dirakam dengan menggunakan alat bantuan kajian.

### 3.2.2 Alat Bantuan Kajian

Semasa menjalankan kajian di Kampung Tokong, Ketereh, Kota Bharu, Kelantan, pengkaji menggunakan beberapa jenis alat bantuan kajian untuk menyimpan segala data yang diperolehi daripada informan hasil daripada temu bual yang dilakukan. Alat bantuan kajian tersebut digunakan untuk membantu pengkaji apabila menganalisis data. Pengkaji menggunakan alat bantuan seperti telefon bimbit, perakam suara dan nota lapangan.

#### (i) Telefon Bimbit

Telefon bimbit digunakan oleh pengkaji untuk merakam video ketika menjalankan temu bual bersama informan. Video yang dirakam disimpan dalam telefon bimbit dan turut dibuat salinan bagi mengelakkan kehilangan data.

## (ii) Perakam Suara

Perakam suara turut digunakan untuk merakam temu bual khususnya data yang diperolehi daripada informan ketika menjawab soalan-soalan yang diajukan oleh pengkaji. Rakaman suara tersebut didengar semula oleh pengkaji ketika ingin menganalisis data.

## (iii) Nota Lapangan

Pengkaji mencatatkan data hasil daripada temu bual dengan menggunakan nota lapangan. Data yang ditulis pada nota tersebut dijadikan rujukan untuk menilai ketepatan data yang diperolehi dengan objektif kajian yang ditetapkan.

### 3.2.3 Kaedah Pemerhatian

Kaedah pemerhatian turut digunakan di dalam kajian kes di Kampung Tokong, Keteroh, Kota Bharu, Kelantan. Menurut Bhasin (2020), kaedah pemerhatian ialah pendekatan yang melihat cara sesuatu subjek bertindak. Kaedah pemerhatian diguna bagi mengenal pasti setiap aktiviti yang muncul ketika kaedah temu bual dilaksanakan bagi menilai kesesuaian data dengan objektif yang dinyatakan dalam Bab Satu kajian ini. Kaedah ini dipilih bagi menentukan kesahihan data dan maklumat yang diperolehi daripada semua informan yang terlibat.

Kaedah pemerhatian turut menggunakan konsep pemerhatian bukan peserta. Menurut Liu & Maitlis (2010), “*Non-participant observation is often used in tangent with other data collection methods, and can offer a more "nuanced and dynamic" appreciation of situations that cannot be as easily captured through other methods*”. Pemerhatian dilakukan dengan teliti terhadap segala gerak geri informan untuk mendapatkan data tulen bagi menyumbang ketepatan maklumat yang dikumpul. Pemerhatian juga turut berlaku ketika proses temu bual dijalankan. Pengkaji memerhati segala aspek seperti sikap, perlakuan dan cara percakapan mereka.

### **3.3 Pensampelan Kajian**

Seramai 10 orang informan daripada penduduk Cina Peranakan dipilih bagi menjawab soalan-soalan yang disediakan bagi mencapai tiga objektif utama iaitu mengenal pasti jenis budaya Melayu yang diadaptasi oleh masyarakat Cina Peranakan di Kampung Tokong, Ketereh, Kota Bharu, Kelantan, mengkaji faktor yang menyebabkan budaya Melayu dan Cina Peranakan diasimilasi serta menganalisis cara masyarakat Cina Peranakan mengekalkan budaya Melayu dalam kalangan mereka.



### 3.3.1 Teknik Pemilihan Informan

Bagi mendapatkan informan untuk ditemu bual, dua bentuk teknik pensampelan diguna iaitu teknik pensampelan bertujuan dan teknik pensampelan bebola salji. Teknik pensampelan bertujuan merupakan teknik yang hanya terhad kepada informan tertentu sahaja untuk memberi maklumat yang diperlukan (Sekaran, 2003). Seterusnya, Noah (2002) pula menerangkan bahawa teknik pensampelan bertujuan merujuk kepada pensampelan yang dilakukan untuk mencapai objektif kajian tanpa menggunakan teknik pensampelan lain. Skop informan dikecilkan mengikut kategori had umur dan taraf pendidikan. Manakala teknik pensampelan bebola salji digunakan dengan mendapatkan cadangan daripada informan untuk mendapatkan informan yang lain. Menurut Creswell (2012), pensampelan bebola salji adalah istilah pensampelan yang digunakan untuk meneruskan kajian yang telah bermula dengan meminta informan mengesyorkan orang lain sebagai sampel.

Jadual 3.1: Demografi Informan

Sumber: Kajian Lapangan

| <b>Informan</b> | <b>Umur</b> | <b>Pendidikan</b>               |
|-----------------|-------------|---------------------------------|
| Informan 1      | 71 Tahun    | SPM (Pendidikan Rendah)         |
| Informan 2      | 74 Tahun    | Darjah Tiga (Pendidikan Rendah) |
| Informan 3      | 54 Tahun    | SPM (Pendidikan Rendah)         |
| Informan 4      | 60 Tahun    | SPM (Pendidikan Rendah)         |
| Informan 5      | 60 Tahun    | SPM (Pendidikan Rendah)         |
| Informan 6      | 63 Tahun    | STPM (Pendidikan Tinggi)        |
| Informan 7      | 68 Tahun    | Darjah Enam (Pendidikan Rendah) |
| Informan 8      | 70 Tahun    | Darjah Enam (Pendidikan Rendah) |
| Informan 9      | 68 Tahun    | SPM (Pendidikan Rendah)         |
| Informan 10     | 62 Tahun    | Darjah Lima (Pendidikan Rendah) |

### 3.3.2 Had Umur

Informan yang dipilih untuk ditemu bual adalah terdiri daripada informan yang berumur dalam lingkungan 50 tahun hingga 75 tahun sahaja (Jadual 3.1). Pengkaji telah menemu bual informan yang sesuai mengikut had umur yang diperlukan. Manakala,

terdapat juga beberapa informan yang telah ditemu bual merupakan informan yang telah disyorkan. Setiap informan yang dipilih berpandukan peringkat umur ini adalah kerana majoriti penduduk Kampung Tokong, Ketereh, Kota Bharu, Kelantan adalah terdiri daripada golongan yang sudah berusia sahaja.

### 3.3.3 Taraf Pendidikan

Taraf pendidikan bagi informan-informan yang ditemu bual oleh pengkaji pula terdiri daripada golongan yang bertaraf pendidikan rendah iaitu dari sekolah rendah sehingga bertaraf pendidikan tinggi iaitu Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) sahaja. Skop taraf pendidikan informan dikecilkan kerana keseluruhan informan yang menetap di Kampung Tokong, Ketereh, Kota Bharu, Kelantan sudah tidak menyambung pendidikan ke peringkat seterusnya.


## 3.4 Analisis Data

Bagi menganalisis data yang diperolehi daripada kesemua informan, kaedah analisis tematik digunakan dalam mengenal pasti corak serta tema yang didapati menerusi kaedah kualitatif tersebut. Braun & Clarke (2006) menyatakan bahawa analisis tematik merupakan kaedah pertama dalam pendekatan kualitatif yang perlu dipelajari kerana proses analisis ini menyediakan kemahiran teras yang berguna untuk melakukan analisis lain. Analisis tematik tidak terikat dengan teori tertentu dan menjadikannya fleksibel untuk digunakan bagi menganalisis data.

### 3.4.1 Analisis Tematik

Analisis tematik dilakukan mengikut proses yang bermula dari temu bual bersama informan. Segala maklumat yang disampaikan oleh informan dirakam dan ditukar dalam bentuk transkrip menggunakan kaedah 'transcribing'. Rakaman audio bagi semua data yang diperolehi dipindahkan ke dalam bentuk transkrip. Manakala, data yang diperolehi melalui kaedah pemerhatian juga turut dianalisis melalui analisis tematik untuk menilai corak perlakuan dengan mengeluarkan tema (Coker, 2021). Tema yang dikeluarkan memiliki corak yang sama dengan corak perlakuan berdasarkan pemerhatian.

### 3.4.2 Peringkat-Peringkat Dalam Analisis Tematik



Rajah 3.1: Peringkat-Peringkat Dalam Analisis Tematik

Rajah 3.1 menunjukkan peringkat-peringkat yang terdapat dalam analisis tematik dalam pendekatan kualitatif. Peringkat-peringkat tersebut bermula daripada transkripsi, pengkodan, tema dan laporan.


(i) Transkripsi

Transkripsi merupakan terjemahan perkataan yang dituturkan dan ditukar ke dalam bentuk bertulis. Halcomb (2006) menerangkan bahawa audio daripada temu bual perlu ditranskripsi sebelum dianalisis. Data yang digunakan ditukar ke dalam bentuk transkripsi merupakan data daripada hasil temu bual yang dijalankan oleh pengkaji bersama informan. Pengkaji akan mendengar kembali rakaman video dan suara yang telah dirakam ketika proses temu bual. Rakaman yang disimpan merupakan sumber penting untuk menganalisis data serta bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan. Pengkaji akan mendengar dengan teliti setiap pertuturan daripada informan yang terlibat. Catatan pada nota lapangan juga akan dilihat semula oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat serta kunci penting untuk dijadikan sebagai transkrip.

(ii) Pengekodaan

Jadual 3.2: Proses Pengekodaan Transkripsi Informan

Sumber: Kajian Lapangan



Pengekodaan merupakan peringkat kedua dalam analisis tematik di mana pengkaji menentukan sendiri data yang sesuai untuk dikodkan. Gibbs (2007) menyatakan pengkodaan merupakan bentuk analisis dalam kualitatif yang melibatkan rakaman audio atau teks untuk dikaitkan dengan tema dan mengindeks teks ke dalam kategori. Pengkaji menetapkan kod yang sesuai untuk data (Jadual 3.2). Pengkaji juga menyemak semula setelah selesai melakukan pengkodaan pertama untuk menilai kod pada data adalah relevan atau tidak.

### (iii) Tema

Peringkat ketiga dalam analisis tematik adalah mencari tema yang sesuai dengan tujuan penelitian dilakukan (Braun & Clarke, 2006). Pengkaji meninjau kod yang telah ditetapkan lalu pengkaji akan memindahkan kod tersebut ke dalam kategori di bawah satu tema. Tema bagi kategori kod tersebut juga akan diteliti kembali oleh pengkaji untuk menentukan kesesuaian agar sepadan dengan tujuan kajian. Setelah selesai menetapkan tema, pengkaji akan membandingkan tema-tema tersebut untuk mencari perkaitan masing-masing.

### (iv) Laporan

Pengkaji melakukan analisis terakhir setelah selesai menetapkan tema sebelum menulis laporan untuk kajian yang dilakukan. Laporan kajian kualitatif yang dihasilkan adalah berhubung dengan kesemua proses analisis yang dilakukan (Braun & Clarke, 2012). Laporan tersebut dihasilkan sebagai langkah terakhir apabila kod dan tema dikenal pasti pada data yang diperolehi.



### 3.5 Kesimpulan

Metodologi yang digunakan untuk kajian pengaruh budaya Melayu terhadap masyarakat Cina Peranakan di Kampung Tokong, Ketereh, Kota Bharu, Kelantan adalah menggunakan pendekatan kualitatif. Pendekatan ini dipilih kerana bersesuaian dengan tujuan kajian. Analisis tematik yang digunakan dapat memudahkan pengkaji melakukan proses analisis data yang diperolehi daripada informan kajian. Pendekatan kualitatif dan analisis tematik dapat diaplikasikan oleh pengkaji untuk mencapai objektif kajian yang ditetapkan.

## **BAB EMPAT**

### **ANALISIS KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

#### **4.0 Pengenalan**

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji berkaitan pengaruh budaya Melayu terhadap masyarakat Cina Peranakan di Kampung Tokong, Ketereh, Kota Bharu, Kelantan, terdapat 12 tema hasil daripada Analisis Tematik iaitu pemahaman masyarakat Cina Peranakan mengenai budaya, penggunaan bahasa Melayu dialek Kelantan, budaya berpakaian dalam masyarakat Cina Peranakan, budaya pemakanan masyarakat Cina Peranakan, gaya hidup masyarakat Cina Peranakan, pergaulan dengan masyarakat Melayu, kunjungan sesama masyarakat, perkahwinan dengan masyarakat Melayu, sifat keterbukaan masyarakat Melayu, perubahan gaya makan, perubahan gaya pemakaian, perubahan dialek bahasa dalam komunikasi dan perubahan masakan.

#### **4.1 Pemahaman Masyarakat Cina Peranakan Mengenai Budaya**

Budaya merupakan cara sesebuah masyarakat menjalani kehidupan di mana ianya merangkumi perkembangan pemikiran yang membawa kepada cara mereka berfikir, berkelakuan dan melakukan perbuatan dan sebagainya (Kamus Dewan, 2005). Melalui hasil daripada kajian yang telah dijalankan, beberapa pendapat daripada informan mengenai pemahaman mereka dalam mentakrifkan budaya telah dikenal pasti. Ini adalah kerana Informan 6 menegaskan bahawa:

*Budayo gak biaso la, ore Cino, ore Melayu, semo campur doh duk sini. Dio lebih kurey ikut keturuney la, ikut hok dulu-dulu, ikut srupo mulo la. Tapi gak loni banyak hok campur-aduk doh, tokleh kiro doh. Loni banyak hok ringkas doh. Kalu dulu, tu patey-larey, ni patey-larey, loni takdok doh. Patey larey ore Cino banyak hok hiley doh. Budaya tu doh jadi lupus. Tok banyak doh la.*

[Budaya biasa la, orang Cina, orang Melayu, semua campur dah di sini. Ia lebih kurang ikut keturunan, ikut yang dahulu. Tapi sekarang banyak yang sudah bercampur-aduk. Sekarang banyak yang telah ringkas. Kalau dahulu, itu pantang-larang, ini pantang-larang, sekarang tiada dah. Pantang larang orang Cina banyak yang telah hilang. Budaya itu telah pupus] (Informan 6, Temu Bual, 30 September 2023).

Berdasarkan pendapat yang diutarakan oleh Informan 6, beliau menyatakan bahawa masyarakat Cina Peranakan telah mengalami proses asimilasi dengan masyarakat Melayu kerana kependudukan mereka yang bercampur dengan majoriti kaum Melayu di kampung tersebut sehingga menyebabkan percampuran budaya. Alias et.al, (2017) mengusulkan bahawa asimilasi merupakan cantuman budaya daripada kelompok yang berlainan sehingga membentuk satu budaya dengan identiti sama apabila identiti kelompok minoriti hilang kerana diserap oleh golongan dominan. Hal ini membuktikan bahawa golongan Cina Peranakan telah menerima budaya Melayu yang lebih besar untuk diaplikasikan dalam kehidupan seharian sepanjang penempatan mereka di sana. Beliau juga turut berpendapat bahawa budaya adalah suatu ikutan daripada keturunan mereka yang telah diamalkan semenjak dahulu lagi. Namun begitu, disebabkan proses asimilasi yang telah berlaku dalam kalangan masyarakat Cina Peranakan, setiap pantang-larang

yang kebiasaannya diikuti oleh masyarakat tersebut semakin ringkas dan semakin berlainan daripada pantang-larang yang asal sehingga lama-kelamaan menyebabkan pantang-larang masyarakat Cina Peranakan semakin hilang dan pupus. Melalui Armen (2015) menyatakan bahawa budaya yang terdapat dalam golongan majoriti dan minoriti akan bergabung membentuk satu budaya campuran yang berubah menjadi satu secara perlahan kerana penyesuaiannya dengan keadaan.

Kajian yang dijalankan oleh pengkaji turut disokong dengan kenyataan yang dilontarkan oleh Informan 7 yang menyatakan bahawa:

*Budayo ni bendo hok kito ikut dari dulu. Kalu dulu kito buat goni, loni pun kito buat goni jugok. Dale bahaso mudoh gak kito panggil ikutey la. Srupo gapo hok ore-ore kito buat gak kito pun buat jugok. Tapi gak sesetengah tu ado doh la hok bezo.*

[Budaya adalah sesuatu yang kita lakukan semenjak dahulu. Kalau dahulu kita buat benda ini, sekarang pun kita buat benda ini juga. Kita sebut sebagai ikutan. Apa yang masyarakat kita buat, kita buat juga. Tapi terdapat sesetengah sudah berbeza] (Informan 7, Temu Bual, 30 September 2023).

Menerusi pemahaman budaya yang diutarakan oleh informan 7, ianya jelas membuktikan bahawa budaya merupakan suatu ikutan yang telah diamalkan semenjak dahulu lagi. Hamidah et, al (2009) menegaskan bahawa golongan yang telah melalui proses asimilasi dan percampuran mendorong mereka untuk mengamalkan budaya baharu yang telah terhasil akibat daripada percantuman antara satu golongan dengan

budaya asalnya. Hal ini dikatakan demikian kerana segala apa yang dilakukan oleh individu atau masyarakat pada masa dahulu masih lagi diamalkan sehingga kini. Namun begitu, bukan semua budaya diamalkan sama seperti dahulu kerana terdapat sesetengah budaya lain juga telah berbeza memandangkan masyarakat Cina Peranakan telah mengalami percampuran kaum antara Cina dan Melayu. Hal ini turut disokong dengan pendapat daripada Informan 8 hasil daripada proses temu bual di mana beliau menegaskan bahawa:

*Budayo ni kalu kito gak caro hidup. Mace aunty, aunty ni Cino kampung. Nok kato lain dengey budayo asal Cino ni dok jugok sebab aunty pun sebenarnya ore Cino tapi gak duduk jah daley kawasey Melayu. Cumonyo kalu sebut jah Cino kampung, ore pakat tahu sdiri doh gapo bezo dio dengey Cino bandar. Jadi gak budayo ni kito ikut srupo keturunan kito sdiri la.*

[Budaya adalah cara hidup. Contohnya, makcik, makcik adalah Cina Kampung. Kalau nak dikatakan lain dengan budaya asal Cina ni tidak juga sebab makcik sebenarnya orang Cina cuma tinggal di dalam kawasan Melayu. Cuma kalau sebut Cina Kampung, orang akan tahu sendiri apa beza dengan Cina Bandar. Jadi budaya ini adalah kita ikut sama dengan keturunan kita sendiri] (Informan 8, Temu Bual, 1 Oktober 2023).

Berdasarkan pendapat daripada Informan 8, budaya merupakan cara kehidupan. Pendapat ini bertepatan dengan kajian lepas yang dikemukakan oleh Salleh (1997) yang mendefinisikan budaya sebagai perbuatan yang dilakukan oleh manusia. Hal ini bermaksud budaya merupakan tingkah laku yang dilakukan oleh seseorang dalam

menjalani kehidupan seharian mereka. Namun begitu, budaya juga merupakan suatu benteng yang mampu membezakan ciri-ciri dan ketidaksamaan antara masyarakat daripada golongan Cina Kampung dan Cina Bandar. Ismail (2010) menyatakan gaya hidup yang diamalkan oleh manusia adalah berasal daripada budaya yang dapat membezakan sesebuah masyarakat dengan masyarakat yang lain melalui apa yang dilakukan dalam kehidupannya. Budaya dapat dijadikan sebagai simbolik yang memberi identiti kepada masyarakat Cina Peranakan di Kampung Tokong, Ketereh, Kota Bharu, Kelantan.

Pernyataan daripada Informan 8 mengenai perbezaan identiti Cina Peranakan sebagai golongan Cina Kampung disokong dengan pendapat daripada Informan 10 iaitu:

*Cino sini jarey doh makey nasik air. Kalu hok duduk bandar nuh baru makey nasik air. Srupo di Kota Bharu, Tanah Meroh ko, pahtu gak ore hok duk luar-luar nuh la. Kito hok duk kampung ni gak kalu makey nasik air tok rok. Lembik, takdok tenago, lembik.*

[Cina sekarang sudah jarang makan nasi air. Kalau yang tinggal di bandar baru makan nasi air. Seperti di Kota Bharu, Tanah Merah dan mereka yang tinggal di luar. Kita yang tinggal di kampung kalau makan nasi air tidak mencukupi. Lembik, tiada tenaga] (Informan 10, Temu Bual, 01 Oktober 2023).

Hal ini membuktikan bahawa disebabkan kependudukan masyarakat Cina Peranakan yang dikategorikan sebagai Cina Kampung dikelilingi masyarakat Melayu, secara tidak langsung telah mengubah cara kehidupan mereka dari segi pemikiran.

Perbezaan dari segi makanan ini cukup menggambarkan kelainan masyarakat Cina Peranakan sebagai Cina Kampung dengan Cina Bandar sehingga masyarakat lain turut mengenali mereka disebabkan ketidaksamaan yang berlaku. Namun begitu, walaupun masyarakat Cina Peranakan di Kampung Tokong telah menerima banyak pengaruh Melayu, tetapi ianya tidak bermakna bahawa mereka terus meninggalkan budaya kaum asal mereka. Ini kerana budaya asal tersebut yang masih membuktikan mereka sebagai etnik Cina. Informan 1 menyatakan:

*Ore kito keno ikut. Ore Cino ni kalu ado ore tuo mati, sapa hari dio mati tu ado buat skali ko dio. Kito buat stahun skali pahtu kito tando la tarikh dio. Srupo buat hari jadi la. Kalu hok mati tu mok, ayoh, mek, maknonyo kito keno buat 3 kali daley setahun. Lagumano pun kito keno turut adat kito. Gano ore tuo buat jamey dulu, gitu la jugok kito keno buat. Ado buat 3 hari, ado buat 100 hari. Kito panggil sami la mari baco.*

[Orang kita kena ikut. Orang Cina ni kalau ada orang tua mati, sampai hari dia mati tu ada buat sekali untuk dia. Kita buat setahun sekali lepas tu kita tanda tarikh tu. Seperti buat hari jadi. Kalau yang mati ibu, ayah, nenek, maksudnya kita kena buat 3 kali dalam setahun. Macam mana pun kita kena ikut adat kita. Bagaimana orang tua buat zaman dahulu, begitu juga kita kena buat. Ada yang buat 3 hari, ada yang buat 100 hari. Kita panggil sami untuk datang baca] (Informan 1, Temu Bual, 12 September 2023)

Mengikut hasil temu bual dengan Informan 1, beliau menyatakan bahawa masyarakat Cina masih perlu mengikut adat asal kaum mereka. Adat dari segi upacara



kematian masih diamalkan oleh masyarakat Cina Peranakan. Data ini disokong dengan pernyataan daripada informan 1 juga iaitu:

*Kito tok tinggal budaya asal, budaya tu tetap ado. Tapi kito suko nge pergaulan sini. Cumo kito ni lahir jah dari ore tuo kito dari agama Buddha. Jadi kito keno turut dio la*

[Kami tidak tinggal budaya asal, budaya itu tetap ada. Tapi kami suka dengan pergaulan di sini. Cuma kami dilahirkan dari orang tua kami yang beragama Buddha. Jadi kami kena ikut mereka] (Informan 1, Temu Bual, 12 September 2023).

Hal ini membuktikan bahawa budaya asal masyarakat Cina masih lagi wujud dalam kalangan masyarakat Cina Peranakan. Setiap budaya yang diamalkan oleh mereka merupakan warisan turun-temurun yang diamalkan oleh nenek moyang mereka yang menganut agama Buddha. Namun, disebabkan penempatan mereka yang dikelilingi oleh masyarakat Melayu sebagai golongan paling besar di negeri Kelantan telah mendorong mereka untuk bergaul antara satu sama lain sehingga memberi identiti baru untuk masyarakat Cina Peranakan di Kampung Tokong, Ketereh, Kota Bharu, Kelantan. Menurut Vignoles et.al, (2011), identiti merupakan sesuatu yang tidak memiliki kestabilan dan berbeza kerana sentiasa berubah-ubah mengikut peredaran semasa. Hal ini bermaksud identiti yang dibawa oleh masyarakat Cina asal telah terhakis disebabkan penyerapan budaya baru daripada kaum Melayu yang mampu mendominasi masyarakat Cina untuk mengamalkannya sehingga mengubah identiti mereka.

## 4.2 Jenis Budaya Melayu Yang Diadaptasi Oleh Masyarakat Cina Peranakan Di Kampung Tokong, Ketereh, Kota Bharu, Kelantan.

Pengadaptasian budaya merupakan suatu proses penyesuaian diri oleh seseorang individu atau masyarakat yang memiliki kebudayaan dan cara hidup yang berbeza daripada masyarakat lain (Koentjaraningrat, 2009). Proses ini melibatkan penyerapan dari sudut perbuatan, tingkah laku, norma serta nilai oleh sesebuah kelompok dengan kelompok yang lain untuk turut dilakukan oleh masyarakat tersebut. Kajian lepas yang bertajuk 'Liliweri' oleh Robert Dubin (2011, hlm. 87) menjelaskan bahawa adaptasi ini turut berlaku dengan adanya individu yang sanggup meninggalkan cara hidup dan kebiasaan diri mereka untuk golongan atau kelompok lain kerana yakin dengan budaya yang akan dikongsi bersama.

### 4.2.1 Penggunaan Bahasa Melayu Dialek Kelantan

Keseluruhan masyarakat Cina Peranakan yang tinggal di Kampung Tokong, Ketereh, Kota Bharu, Kelantan mampu berkomunikasi dengan menggunakan Bahasa Melayu dialek Kelantan apabila berjumpa atau berbual dengan rakan-rakan dan tetamu disebabkan mereka menganggap bahawa Bahasa Melayu dialek Kelantan mempunyai keunikannya yang tersendiri. Informan 2 berpendapat bahawa "*Aunty guno Bahaso Klate jah. Kalu kecek guno Bahaso Klate ni aunty mudah pehe. Tapi kalu Bahaso Melayu luar tu aunty kurey pehe sikit. Kalu baco surat tu, pehe sikit-sikit jah la*". [Makcik guna Bahasa Kelantan sahaja. Kalau bercakap guna Bahasa Kelantan makcik mudah faham. Tapi kalau Bahasa Melayu luar makcik kurang faham sedikit. Kalau baca surat tu, faham sikit-sikit sahaja] (Informan 2, Temu Bual, 24 September 2023).

Informan 2 menjelaskan bahawa beliau hanya menggunakan Bahasa Melayu dialek Kelantan disebabkan tahap kefahaman beliau terhadap Bahasa Melayu dialek Kelantan apabila bertutur lebih tinggi berbanding Bahasa Melayu standard. Penggunaan Bahasa Melayu standard pula kurang difahami oleh Informan 2 dan menyukarkan beliau untuk memahami isi kandungan terutamanya apabila perlu membaca. Kadar tahap kefahaman ini menggalakkan beliau untuk terus menggunakan Bahasa Melayu dialek Kelantan sahaja apabila berkomunikasi dengan masyarakat sekeliling. Pernyataan ini turut disokong oleh hasil temu bual bersama Informan 9 iaitu:

*70% guno Bahaso Melayu Klate. Kalu nge handal tauley banyak guno Bahaso Klate jugok walaupun nge Cino Kapung. Kapung ni banyak guno Bahaso Klate kalu nge samo-samo Cino. Bahaso Klate ni uncle mudoh pehe. Bahaso ni bahaso hok mudoh untuk ore hok tok blajar tinggi. Lagipun uncle masuk skolah Melayu. Kalu guno bahaso kebangsaan pun boleh, Bahaso Klate pun boleh jugok*

[70% guna Bahasa Melayu Kelantan. Kalau dengan handal taulan banyak guna Bahasa Kelantan juga walaupun dengan Cina Kampung. Kampung ni banyak guna Bahasa Kelantan kalau sesama Cina. Bahasa Kelantan ni pakcik mudah faham. Bahasa ni bahasa mudah untuk orang yang tidak belajar tinggi. Lagipun pakcik masuk ke sekolah Melayu. Kalau guna bahasa kebangsaan pun boleh, Bahasa Kelantan pun boleh juga] (Informan 9, Temu Bual, 01 Oktober 2023).

Menurut apa yang disampaikan oleh Informan 9, dari segi komunikasi antara rakan-rakan, beliau lebih banyak menggunakan Bahasa Melayu Kelantan malah masyarakat Cina Peranakan yang menetap di Kampung Tokong lebih memilih untuk

berbahasa Kelantan sahaja walaupun mereka saling berkomunikasi sesama kaum Cina. Hal ini kerana bagi beliau, bahasa ini lebih mudah difahami untuk golongan yang hanya berpendidikan rendah. Tambahan lagi, majoriti daripada masyarakat Cina Peranakan iaitu golongan tua dan berumur hanya belajar sehingga Darjah 6 dan hanya sesetengah sahaja daripada mereka yang menyambung pendidikan sehingga peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Informan 9 juga telah biasa dalam menggunakan Bahasa Melayu dialek Kelantan disebabkan beliau pernah menuntut di sekolah Melayu. Selain mahir dalam menggunakan Bahasa Melayu dialek Kelantan, beliau juga boleh berbahasa kebangsaan iaitu Bahasa Melayu standard.

Informan 6 pula menyatakan bahawa:

*Uncle tetap guno Bahaso Klate jugok. Kalu kecek nge ore Cino, uncle campur-campur la bahaso tu mugo ore Cino loni blajar di skolah Mandarin tapi uncle dok, uncle blajar di skolah Melayu. Jadi uncle tok blajar la Bahaso Mandarin tu. Uncle blajar di Skolah Rendoh Gondoy tu jah. Tapi gak, walaupun dio blajar Mandarin, ado jugok sesetengah dari dio tok pehe jugok dei kelik sini. Jadi dio pun tetap guno Bahaso Melayu Klate jugok la*

[Pakcik tetap guna Bahasa Kelantan juga. Kalau bercakap dengan orang Cina, pakcik campur bahasa kerana orang Cina sekarang belajar di sekolah Mandarin tapi pakcik tidak, pakcik belajar di sekolah Melayu. Jadi pakcik tidak belajar Bahasa Mandarin. Pakcik belajar di Sekolah Rendah Gondang. Tapi, walaupun dia belajar Mandarin, ada juga sesetengah dari mereka tidak faham selepas balik

sini. Jadi dia tetap guna Bahasa Melayu Kelantan juga] (Informan 6, Temu Bual, 30 September 2023).

Informan 6 turut menyatakan bahawa Bahasa Melayu dialek Kelantan juga turut digunakan oleh beliau. Namun begitu, beliau bukan sahaja menggunakan Bahasa Melayu dialek Kelantan ketika berkomunikasi namun turut menggunakan bahasa lain secara bercampur disebabkan golongan muda masyarakat Cina Peranakan pada masa sekarang tidak lagi belajar di sekolah Melayu tetapi menuntut pelajaran di Sekolah Mandarin. Namun begitu, bukan keseluruhan daripada masyarakat Cina Peranakan mahir dalam berbahasa Mandarin. Keadaan ini telah menggalakkan mereka untuk turut menggunakan Bahasa Melayu Kelantan untuk berkomunikasi sesama sendiri. Perkongsian sosiobudaya yang berlaku antara masyarakat Cina Peranakan dan Melayu telah menjadi faktor galakan terbesar untuk komuniti ini memiliki budaya tersendiri kesan daripada proses asimilasi panjang yang telah lama berlaku sehingga mampu memberi kemahiran tinggi dalam berbahasa Melayu Kelantan sama seperti masyarakat Melayu Kelantan yang asal. Pengaplikasian budaya Melayu dalam kehidupan komuniti Cina Peranakan telah memperlihatkan sosiobudaya mereka yang sentiasa kekal sehingga masa kini (Mohd Shahrul, 2013).

Namun begitu, berdasarkan hasil pemerhatian yang diperolehi oleh pengkaji, pengkaji mendapati bahawa masyarakat Cina Peranakan di Kampung Tokong menggunakan bahasa Hokkien apabila berkomunikasi sesama ahli keluarga seperti suami, isteri, anak-anak dan adik-beradik. Ini membuktikan bahawa budaya asal masyarakat Cina Peranakan dari segi penggunaan bahasa masih lagi ada walaupun mereka menjalani kehidupan seperti masyarakat Melayu. Menurut Kamil (2024), percampuran budaya

sememangnya tidak mengubah budaya asal sehingga menghilangkan budaya asal kaum yang meminjam sebaliknya akan memberi kesan positif demi kesepaduan bersama.

#### 4.2.2 Budaya Berpakaian Dalam Masyarakat Cina Peranakan

Berdasarkan hasil temu bual yang dilaksanakan oleh pengkaji, proses asimilasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat Cina Peranakan turut mempengaruhi budaya berpakaian mereka. Informan 4 menyatakan bahawa "*Paka kain sarung, paka baju teluk belango hok ado poket tepi tu. Kalu perikat tuo gak paka kain sarung nge seluar pendek*" [Pakai kain sarung, pakai macam baju teluk belanga yang ada poket di tepi. Kalau peringkat tua, pakai kain sarung dan seluar pendek] (Informan 4, Temu Bual, 29 September 2023)

Informan 4 menyatakan bahawa beliau hanyalah memakai kain sarung dan baju teluk belanga. Manakala bagi peringkat tua pula, masyarakat Cina Peranakan memakai kain sarung atau seluar pendek sahaja. Pemakaian ini telah menjadi satu kebiasaan dalam kalangan mereka dalam kehidupan seharian setelah berasimilasi dengan masyarakat Melayu. Manakala, bagi Informan 2 pula menyatakan "*Aunty paka kain sarung, paka seluar pun ado. Kade-kade paka seluar panjey, ado jugok paka seluar setakat betis jah. Kalu nok tubik, aunty paka seluar panjey nge baju lengey pendek jah*". [Makcik pakai kain sarung, pakai seluar pun ada. Kadang-kadang pakai seluar panjang, ada juga pakai seluar setakat betis. Kalau nak keluar, makcik pakai seluar panjang, pakai baju lengan pendek sahaja] (Informan 2, Temu Bual, 24 September 2023).



Berdasarkan apa yang diutarakan oleh Informan 4 dari segi budaya berpakaian, beliau turut memakai kain sarung dan seluar. Bagi pemakaian seluar pula, beliau memakai seluar panjang dan seluar setakat betis sahaja. Manakala, baju lengan pendek merupakan pakaian pilihan beliau apabila ingin keluar ke sesuatu tempat. Hal ini membuktikan bahawa pemakaian kain sarung seperti orang Melayu turut diamalkan oleh informan namun pemakaian seluar setakat betis bersama baju lengan pendek pula menggambarkan bahawa informan merupakan masyarakat Cina. Bagi informan 3 pula “*Uncle paka jugok kain sarung, kain pelikat, baju tshirt*” [Pakcik pakai juga kain sarung, kain pelikat, baju tshirt] (Informan 3, Temu Bual, 24 September 2023).

Informan 3 juga bukan hanya memakai kain sarung dan baju tshirt sahaja, namun turut memakai kain pelikat. Kain pelikat merupakan kain yang menjadi pakaian rutin harian bagi kaum lelaki sama ada ketika berada di rumah serta digunakan untuk ke masjid untuk menunaikan solat. Namun setelah melalui proses percampuran budaya, pemakaian kain pelikat turut menjadi kegunaan oleh masyarakat Cina Peranakan. Selain itu, hasil temu bual bersama Informan 6 pula, beliau menyatakan bahawa:

*...seluar trek, baju biaso mace tshirt tu,. Kalu tubik, paka seluar panjey, tshirt, seluar slack, baju lengey panjey. Kalu hari Khmis, uncle keno paka baju batik. Sebab uncle kijo juruukur. Ore dio suruh paka baju tu la tapi kadey-kadey jah. Kalu majikey suruh gak baru uncle paka. Kalu majikey tok suruh, uncle tok pakai pun. Contoh kalu hari mesyuarat, hari khas, ado jemputey VIP ko, uncle keno ikut la dari segi pakaian tu srupo baju batik, baju Melayu. Uncle ado 2 pasey baju Melayu. Kalu hari rasmi uncle keno pakai. Hari biaso tu pakaian biaso la macey kemejo.*



[Pakcik pakai macam biasa. Contohnya, seluar trek, baju biasa macam tshirt tu. Kalau keluar, pakai seluar panjang, tshirt, seluar slack, baju lengan panjang. Kalau hari Khamis, pakcik kena pakai baju batik. Sebab pakcik bekerja sebagai juruukur. Mereka syorkan untuk pakai baju tu la tapi kadang-kadang sahaja. Apabila majikan suruh, baru la pakcik pakai. Kalau majikan tidak suruh, pakcik tidak pakai pun. Contohnya, hari mesyuarat, hari khas, jemputan VIP, pakcik kena ikut dari segi pakaian la macam pakai baju batik, baju Melayu. Pakcik ada 2 pasang baju Melayu. Kalau hari rasmi, pakcik kena pakai. Hari biasa tu pakaian biasa la macam kemeja] (Informan 6, Temu Bual, 30 September 2023).

Menurut Informan 6, beliau memakai pakaian seperti kebiasaannya iaitu seluar trek dan tshirt. Namun, beliau juga memakai seluar panjang, tshirt, seluar slack dan baju lengan panjang apabila ingin keluar. Pemakaian ini membuktikan bahawa informan menghormati masyarakat Melayu yang berbeza agama dengan memakai pakaian tertutup apabila ingin ke tempat lain. Manakala, pakaian rasmi seperti baju batik dan baju Melayu turut dipakai oleh beliau memandangkan beliau bekerja di dalam sektor kerajaan. Pekerjaan dalam sektor tersebut memerlukan beliau untuk memakai baju seperti masyarakat Melayu. Budaya pemakaian ini dipakai oleh informan terutamanya ketika hari-hari rasmi seperti mesyuarat, jemputan VIP dan hari khas. Manakala, baju kemeja juga dipakai oleh beliau ketika bekerja. Bagi Informan 9 pula “... kain sarung ni paka kalu duduk rumoh jah. Kadey-kadey gi kedai runcit pun paka kain sarung jugok mugo dekat jah kei. Kalu gi Koto Bharu tok paka la kain sarung” [Kain sarung ni pakai kalau duduk di rumah. Tapi sekali-sekala pergi kedai runcit pakai juga kain sarung sebab dekat. Kalau pergi Kota Bharu tak pakai la kain sarung] (Informan 9, Temu Bual, 01 Oktober 2023)

Berdasarkan pernyataan daripada Informan 9 dapat diketahui bahawa kain sarung adalah pakaian yang digunakan oleh masyarakat Cina Peranakan semasa berada di rumah mahupun ketika keluar ke kedai runcit. Namun begitu, informan tidak memakai kain sarung apabila keluar ke tempat jauh. Hal ini kerana kain sarung bukanlah pakaian yang sesuai untuk lelaki ketika ingin pergi ke mana-mana. Hal ini membuktikan bahawa masyarakat Cina Peranakan memiliki pemikiran dari segi budaya pemakaian sama seperti masyarakat Melayu yang turut berpendapat bahawa kain sarung bukanlah pilihan pakaian yang sesuai untuk ke suatu tempat. Informan 5 pula menyatakan bahawa:

*... kalau gi tempat bekwoh ado hok paka. Dio buat baju kurung lah untuk paka. Tapi, tok bertudung. Ado kan kalau ore Cino masuk universiti pun keno paka. Srupo anak aunty dulu, tino la tapi loni dio kijo doh, keno buat baju tu untuk paka gi belajar.*

[... kalau pergi tempat kenduri ada yang pakai. Mereka ada buat baju kurung untuk pakai. Tapi tidak bertudung. Ada kan kalau orang Cina masuk universiti kena pakai kan. Macam anak makcik dulu kan, perempuan la tapi sekarang dia dah kerja, kena buat la baju tu untuk pakai pergi belajar] (Informan 5, Temu Bual, 29 September 2023).

Melalui pernyataan daripada Informan 5, dapat dikenal pasti bahawa terdapat masyarakat Cina Peranakan yang memakai baju kurung untuk ke majlis kenduri sehingga mereka menjahit dan menempah baju kurung untuk dipakai. Tambahan lagi, pemakaian baju kurung juga perlu dipakai untuk golongan pelajar yang memasuki alam universiti. Keperluan pemakaian ini telah mendorong masyarakat Cina Peranakan untuk turut

memakai baju kurung walaupun mereka berbeza agama dengan masyarakat Melayu sehingga ianya menjadi budaya baru bagi mereka.

#### 4.2.3 Budaya Pemakanan Masyarakat Cina Peranakan

Budaya pemakanan dalam kalangan masyarakat Cina Peranakan juga sama dengan masyarakat Melayu dari segi menu, penggunaan bahan-bahan dalam masakan dan cara penyediaan makanan. Informan 1 menyatakan bahawa:

*... menu pun srupo Melayu jugok macey gula ayey, singgey, gula kawoh. Meme ado 100% guno behey Melayu. Kito masak guno behey samo. Rajin jugok skali tu uncle nok buat Pulut Cucu. Pahtu saing Melayu uncle royak guno ayey kapung. Uncle nge aunty pun rajin jugok buat nasik kabu, lakso, nasik dagey.*

[... menu pun seperti Melayu juga seperti gulai ayam, singgang, gulai kawah. Memang ada yang 100% guna bahan Melayu. Kita masak guna bahan sama. Pakcik dan makcik pun pernah juga buat nasi kerabu, laksa, nasi dagang] (Informan 1, Temu Bual, 12 September 2023).

Berdasarkan pernyataan daripada Informan 1, dapat diketahui bahawa budaya pemakanan mereka seiring dengan masyarakat Melayu. Malah, menu masakan seperti gulai ayam, singgang, gulai kawah, Pulut Cucu, nasi kerabu, laksa dan nasi dagang juga dimasak oleh golongan masyarakat Cina Peranakan. Hal ini dapat menjelaskan bahawa mereka telah melalui proses asimilasi yang kuat sehingga mempengaruhi kemahiran dalam masakan sehingga komuniti ini mampu menyediakan makanan yang

melambangkan identiti kemelayuan dalam diri masing-masing. Bagi Informan 2 pula, beliau menyatakan:

*Makeney srupo biaso la. Budu, uley, ikey, ayey. Lebih kurey Melayu. Contoh macey gula, aunty ikut ore Melayu. Srupo kuas, bawey. Aunty boleh masok gulai daging, gulai ikey. Aunty buat lakso, nasik kabu. Macey aunty, aunty tok makey babi. Aunty makey ayey, ikey jah. Aunty tokleh kalu takdok ikey. Aunty makey ikey, budu, uley. Tigo tu jah. Kalu kuih, aunty buat tepung bukus hok guno debu pulut nge nisey tu. Kuih tu aunty kukus la. Macey tupat daun buluh, aunty buat jugok. Ado jugok sapa diorey mitok nok makey sebab tupat daun buluh jarey ore buat. Dio keno buat dengey daun buluh jah. Kito letok la daging, ayey pahtu kito bukus. Aunty buat lakso nge nasik kabu Siam untuk ore mari semaye. Kito guno daun kayu untuk kisar pahtu tanok nge beras. Ore panggil nasik kabu ni macey herbo sebab herbo boleh buat ubat. Warno nasik tu hijau dari daun kayu tu la. Kalu nasik kabu Klate warno biru dari sumbo tidokpun bungo telang. Nasik kabu Siam kito makey biaso jah dengey ikey tawar, nyor goreng, uley. Budu hok utamo daley nasik kabu. Kalu takdok budu, tok sedak. Sambal lado, lado itey pun ado. Nasik kabu Siam kito makey nge ikey tawar kei. Ikey tu kito perisi, blender, pahtu goreng srupo goreng nyor tu. Ikey tu la lauk nasik kabu Siam. Makey nge ayey bakar, daging bakar pun ado. Aunty buat lakso Klate, lakso lemok. Cumo hok bezonyo warno kuoh lakso ni kuning tapi panggil lakso lemok jugok. Mungkin sebab aunty ore Cino, jadi aunty nok raso lakso tu.*

[Makanan macam biasa la. Budu, ulam, ikan-ikan, ayam macam tu. Lebih kurang Melayu. Contoh macam gulai maccik ikut orang Melayu. Macam lengkuas,

bawang. Maccik boleh masak gulai daging, gulai ikan. Maccik buat laksa, nasi kerabu. Macam maccik, maccik tidak makan babi. Maccik makan ayam, ikan. Maccik tak boleh kalau tidak ada ikan. Maccik makan ikan, budu, ulam. Tiga tu sahaja. Kalau kuih maccik akan buat macam tepung bungkus yang guna debu pulut dan gula melaka tu. Kuih tu maccik akan kukus. Macam ketupat daun buluh, maccik akan buat juga. Ada juga sehingga mereka minta untuk makan sebab ketupat daun buluh memang jarang sangat orang buat. Ketupat ni kena buat dengan daun buluh je. Kita boleh letak daging ayam dan kita akan bungkus. Maccik buat laksa dan nasi kerabu Siam untuk orang yang datang sembahyang. Kita guna daun kayu untuk kisar dan tanak dengan beras. Orang panggil nasi kerabu ni macam herba sebab herba tu boleh jadi ubat. Warna nasi tu hijau dari daun kayu tu la. Kalau nasi kerabu Kelantan warna biru yang buat pewarna atau bunga telang. Nasi kerabu Siam kita makan macam biasa je dengan ikan tawar, kelapa goreng dan ulam-ulaman. Budu yang utama dalam nasi kerabu, kalau tidak ada budu tidak sedap la. Sambal lada, lada hitam pun ada. Nasi kerabu Siam ni makan dengan ikan tawar kan. Ikan tu kita kukus, perisikan lepas tu kisar dan goreng macam kita goreng kelapa. Ikan tu la lauk nasi kerabu Siam. Makan dengan ayam bakar dan daging bakar pun ada. Maccik buat laksa Kelantan, laksa lemak. Cuma yang bezanya warna kuah laksa ni kuning tapi tetap panggil laksa lemak. Mungkin sebab maccik orang Cina, jadi orang nak rasa laksa tu] (Informan 2, Temu Bual, 24 September 2023).

---

Berdasarkan Informan 2, masyarakat Cina Peranakan dilihat sangat sehati dengan makanan Melayu. Malah, cara masakan setiap makanan juga sememangnya menggunakan resepi seperti masyarakat Melayu juga. Disebabkan asimilasi telah berlaku

dalam kalangan mereka, masyarakat Cina Peranakan lebih memilih untuk makan makanan masyarakat Melayu sebagai makanan harian mereka seperti ikan, budu dan ulam. Mereka juga mampu menyediakan kuih-muih yang popular dalam kalangan kaum Melayu seperti tepung bungkus. Walau bagaimanapun, proses asimilasi yang terserap dalam golongan masyarakat Cina Peranakan bukan sahaja terhad dari segi makanan Melayu sahaja, namun mereka turut terdedah dengan makanan Siam iaitu nasi kerabu Siam. Ini kerana masyarakat Cina Peranakan turut berasal dari Siam pada mulanya. Nasi kerabu Siam merupakan makanan yang seakan-akan sama dengan nasi kerabu Melayu tetapi hanya berbeza dari segi warna dan penggunaan bahan seperti daun yang dikisar untuk menghasilkan warna hijau. Selain nasi kerabu Siam juga, Informan 2 mahir dalam menyediakan laksa lemak namun berbeza dari segi warna juga iaitu kuahnya yang berwarna kuning dan perbezaan dari segi penggunaan bahan dalam proses penyediaan kuah tersebut. Selain Pulut Cucu, Nasi kerabu Siam dan laksa lemak berkuah kuning merupakan maklumat baharu yang diperolehi oleh pengkaji hasil daripada proses temu bual dengan masyarakat Cina Peranakan. Selera golongan masyarakat Cina Peranakan yang ingin mencuba juadah laksa lemak tersebut dapat menjadi bukti bahawa proses asimilasi sudah pasti mendorong mereka untuk menjadi lebih terbuka dan mencuba sesuatu yang berbeza.

Manakala Informan 6 pula berpendapat seperti "*Tupak nasik, tupak biaso, ore Cino pun buat. Uncle sokmo buat tupak.*" [Ketupat nasi, ketupat biasa, orang Cina pula ada yang buat. Pakcik sentiasa buat ketupat] (Informan 6, Temu Bual, 30 September 2023)

Ketupat merupakan makanan terkenal di Malaysia terutamanya ketika musim perayaan. Namun, ketupat bukan hanya popular dalam kalangan masyarakat Melayu sahaja bahkan turut menjadi makanan kegemaran oleh masyarakat Cina Peranakan.



Terdapat juga daripada mereka yang mahir dalam membuat ketupat. Hal ini dapat menjadi bukti bahawa golongan tersebut telah menerima asimilasi yang kuat dengan masyarakat Melayu sehingga mampu mempengaruhi kemahiran mereka dalam penyediaan makanan.

Informan 7 pula berpendapat seperti “...*budu, belacey boleh la. Uncle makey nasik putih jugok. Nasi krabu pun uncle makey. Nasik krabu tu memey uncle minak la. Nasik berlauk pun makey. Nasik hok kuoh gulai, ayam goreng tu meme sedak.*” [...Budu, belacan boleh la. Pakcik makan nasi putih juga. Nasi kerabu pun pakcik makan. Nasi kerabu memang pakcik minat sangat. Nasi berlauk pun makan. Nasi yang kuah gulai ayam goreng tu kan memang sedap] (Informan 7, Temu Bual, 30 September 2023)

Berdasarkan pernyataan tersebut, pengkaji dapat mengenal pasti bahawa makanan Melayu telah menjadi pilihan masyarakat Cina Peranakan. Pengaruh budaya Melayu dari segi makanan iaitu budu dan belacan yang menjadi makanan identiti negeri Kelantan turut dimakan oleh komuniti Cina Peranakan yang tinggal di Kampung Tokong. Nasi berlauk merupakan menu makanan yang terdiri daripada nasi putih, kuah gulai dan ayam goreng. Nasi berlauk juga turut terdiri daripada nasi putih dan ayam gulai juga. Sehingga kini, nasi berlauk adalah antara makanan yang sentiasa dijamah oleh golongan Cina Peranakan. Pernyataan daripada Informan 8 pula ialah “*Makeney Melayu tu aunty masok ko anak cucu hok duk luar, worih-worih hok netap luar. Kalu puok dio nok makey nasik dagey, aunty masok la nasik dagey. Kalu malah beli, aunty buat sdiri.*” [Makanan Melayu tu makcik masak untuk anak cucu yang tinggal di luar, waris-waris yang menetap di luar. Kalau mereka nak makan nasi dagang, makcik masak nasi dagang. Kalau malas beli, makcik buat sendiri] (Informan 8, Temu Bual, 01 Oktober 2023).



Nasi dagang juga antara makanan yang gemar dimasak oleh masyarakat Cina Peranakan. Berdasarkan pernyataan yang diutarakan oleh Informan 8, beliau sentiasa menyediakan nasi dagang dengan air tangan sendiri untuk dihidangkan kepada anak cucu beliau serta saudara-mara yang menetap di luar Kelantan. Melalui hasil temu bual bersama informan ini, pengkaji dapat mengetahui bahawa masyarakat Cina Peranakan turut memperkenalkan makanan Melayu dalam kalangan mereka walaupun tinggal berjauhan dengan cara memasak makanan tersebut. Jelaslah bahawa makanan Melayu menjadi menu utama untuk masyarakat Cina Peranakan dalam kehidupan mereka sebagai golongan minoriti di negeri Kelantan yang memiliki identiti baru yang sama seperti masyarakat Melayu.

#### 4.2.4 Gaya Hidup Masyarakat Cina Peranakan

Masyarakat Cina Peranakan bukan sahaja menerima pengaruh budaya Melayu dari sudut penggunaan bahasa, budaya berpakaian dan budaya pemakanan sahaja, namun gaya hidup mereka juga menyerupai masyarakat Melayu. Informan 1 menjelaskan bahawa “*Dio srupo jah. Kalu biaso kito gi keda kopi kei, tiap-tiap pagi keno gi.*” [Ia sama sahaja. Kalau biasa kita pergi kedai kopi, tiap-tiap pagi kena pergi] (Informan 1, Temu Bual, 12 September 2023).

Informan 1 berpendapat bahawa gaya hidup yang dijalankan dalam kalangan masyarakat Cina Peranakan dan masyarakat Melayu adalah hampir sama. Hal ini kerana masyarakat Cina Peranakan juga turut gemar minum kopi di kedai pada waktu pagi. Gaya hidup ini sentiasa dilakukan oleh mereka sebagai cara untuk mereka dapat berjumpa dan berkomunikasi dengan rakan-rakan termasuklah masyarakat Melayu sendiri. Gaya hidup

ini juga telah menjadi rutin harian masyarakat Cina Peranakan dalam kehidupan mereka. Pendapat daripada Informan 5 pula adalah “*Makey guno garpu, guno tangey. Ikut hok kito raso nok gano. Chopstick pun guno lagi tapi jarey-jarey doh. Lebih banyok guno tangey.*” [Makan guna garpu, guna tangan. Ikut yang kita rasa nak macam mana. Penyepit pun guna lagi tapi jarang-jarang dah. Lebih banyak guna tangan] (Informan 5, Temu Bual, 29 September 2023).

Pada masa kini, masyarakat Cina Peranakan lebih banyak makan dengan menggunakan tangan. Manakala, penggunaan penyepit ketika makan pula sudah jarang sekali digunakan. Ini membuktikan bahawa percampuran antara dua buah kaum berbeza telah mempengaruhi golongan yang bilangannya lebih kecil sehingga menggalakkan mereka untuk mengikut budaya kaum yang lebih besar. Secara tidak langsung, pengaruh ini telah menjadikan golongan Cina Peranakan semakin meninggalkan budaya asal mereka secara perlahan-lahan. Bagi Informan 8 pula adalah “*Kalu musim duyey gak, aunty jual duyey. Aunty tanam sdiri la pokok duyey. Tiap-tiap tahun aunty jual.*” [Kalau musim durian, makcik jual durian. Makcik tanam sendiri pokok durian. Tiap-tiap tahun makcik jual] (Informan 8, Temu Bual, 01 Oktober 2023).

Dari segi perniagaan pula, masyarakat Cina Peranakan yang menetap di Kampung Tokong menjual buah durian iaitu buah yang banyak terdapat di kawasan Melayu sahaja. Tambahan lagi, buah-buahan yang dijual oleh beliau adalah hasil daripada tanaman sendiri. Malah, beliau turut menjual durian setiap tahun. Walaupun berbeza kaum dan agama, namun masyarakat daripada golongan Cina Peranakan lebih memilih untuk

melakukan pekerjaan seperti kaum Melayu disebabkan kebiasaan dalam kehidupan mereka.

#### **4.3 Faktor Yang Menyebabkan Budaya Melayu Dan Cina Peranakan Diasimilasi**

Asimilasi merupakan proses penggabungan dan percantuman antara dua budaya yang berlainan antara masyarakat yang berbeza sehingga membentuk satu kebudayaan dan identiti baru terhadap salah satu masyarakat tersebut. Sepanjang proses asimilasi berlaku, identiti asal masyarakat minoriti iaitu golongan Cina Peranakan akan semakin hilang kerana digantikan dengan budaya dan identiti yang menyerupai golongan majoriti iaitu masyarakat Melayu. Bateriah et. al, (2017) menyatakan bahawa proses percantuman yang berlaku antara kelompok berlainan ini akan menyebabkan identiti kumpulan minoriti hilang kerana diserap kumpulan majoriti.

Teori yang diguna untuk melaksanakan kajian mengenai pengaruh budaya Melayu terhadap masyarakat Cina Peranakan di Kampung Tokong, Ketereh, Kota Bharu, Kelantan adalah teori asimilasi oleh Park & Burgess (1921). Teori asimilasi ini merujuk kepada proses interpretasi seseorang atau sesuatu kelompok memperoleh kenangan, sentimen serta sikap orang lain juga sehingga membawa kepada perkongsian pengalaman dan sejarah antara kedua-duanya sehingga digabungkan dalam kehidupan bersama. Teori ini dipilih kerana bertepatan dengan kajian yang dijalankan memandangkan proses asimilasi dapat dilihat jelas dalam masyarakat Cina Peranakan di Kampung Tokong, Ketereh, Kota Bharu, Kelantan.

#### 4.3.1 Pergaulan Dengan Masyarakat Melayu

Asimilasi yang berlaku antara masyarakat Cina Peranakan dan masyarakat Melayu adalah disebabkan pergaulan mereka dengan masyarakat Melayu yang sudah sekian lama. Pergaulan antara dua buah masyarakat yang berlainan ini merupakan antara faktor terbesar kepada proses percampuran mereka dengan kaum yang berbeza budaya dan identiti. Informan 1 menyatakan “*Bagi uncle, uncle seleso doh duk sini sebab dari kecik lagi uncle gaul nge ore Melayu.*” [Bagi pakcik, pakcik dah selesa tinggal di sini sebab dari kecil lagi pakcik dah bergaul dengan orang Melayu] (Informan 1, Temu Bual, 12 September 2023).

Menurut pernyataan daripada Informan 1, beliau selesa menetap dalam kawasan yang majoritinya terdiri daripada masyarakat Melayu. Walaupun beliau berlainan agama dan budaya, namun beliau memiliki hubungan pergaulan yang erat dengan masyarakat Melayu semenjak kecil lagi. Informan 2 pula berpendapat:

*Percampuran ni jadi maso kecik lagi, sejak dari ibu aunty lagi gaul doh nge ore Melayu. Contoh, srupo buat kijo kapung, kito campur nge gaul la nge ore Melayu. Kalu kito tanam padi, kito gaul nge puok dio. Kito srupo adik-bradik doh, rapat sangat.*

[Percampuran ni telah berlaku sejak kecil lagi, sejak dari ibu makcik lagi dah berlaku pergaulan dengan orang Melayu. Contohnya, macam buat kerja kampung kami akan bercampur dan bergaul dengan orang Melayu. Kalau kita tanam padi, kita akan bergaul dengan mereka] (Informan 2, Temu Bual, 24 September 2023)

Menurut Informan 2, pergaulannya dengan masyarakat Melayu juga telah wujud ketika masih kecil. Pergaulan antara kedua-dua buah masyarakat ini telah pun bermula semenjak zaman ibu informan lagi. Malahan, faktor asimilasi melalui pergaulan ini berlaku ketika melakukan kerja menanam padi sebagai aktiviti harian di Kampung Tokong, Ketereh, Kota Bharu, Kelantan. Melalui aktiviti tersebut, ianya telah mendorong masyarakat Cina Peranakan dan masyarakat Melayu untuk bercampur dan bergaul antara satu sama lain ketika melakukan kerja bersama-sama. Pendapat daripada Informan 5 pula adalah “...ado ore ajok, kito keno gi. Mace ore Islam hok ajok gi tempat bekwoh, aunty gi. Kalu mace saing gak, kat pomen beki muto kedai depey tu ramai ore Islam gi tu.” [...ada orang jemput kita kena pergi. Orang Islam yang jemput ke kenduri pun, aunty pergi. Macam berkawan kan, kat pomen baiki motosikal kat kedai depan tu ramai orang Islam datang tu] (Informan 5, Temu Bual, 29 September 2023)

Melalui hasil temu bual bersama Informan 5, dapat dikenal pasti bahawa pergaulan berlaku melalui majlis kenduri. Walaupun masyarakat Melayu yang mengadakan majlis kenduri tersebut, namun disebabkan hubungan pergaulan antara mereka, masyarakat Cina Peranakan turut datang ke majlis tersebut. Melakukan pekerjaan dan perniagaan juga, sememangnya pergaulan akan berlaku sehingga mendorong kepada proses asimilasi antara Cina Peranakan dan Melayu. Mengikut pendapat daripada Informan 5, beliau menjelaskan bahawa ramai orang Islam iaitu masyarakat Melayu sendiri datang ke bengkel motosikal tersebut walaupun bengkel tersebut adalah milik masyarakat Cina Peranakan. Manakala Informan 6 pula mengutarakan pendapat seperti:

*Budaya Melayu ni ado maso uncle kecik lagi. Tamboh-tambah lagi dari segi gaul nge ore Melayu. Ayoh uncle dulu saing nge ore Melayu sapa la cucu dio tu loni pun jupo lagi nge uncle. Kironyo saing ni gak lamo doh la*

[Budaya Melayu ni sudah ada ketika pakcik kecil lagi. Tambahan lagi, dari segi pergaulan dengan orang Melayu. Ayah pakcik dulu berkawan dengan orang Melayu sehingga cucu dia sekarang pun masih lagi berjumpa dengan pakcik. Kiranya dari segi berkawan sejak lama dah] (Informan 6, Temu Bual, 30 September 2023)

Informan 6 juga menegaskan budaya Melayu berlaku ketika beliau masih kecil termasuklah hubungan pergaulan beliau dengan masyarakat Melayu. Pergaulan bersama golongan majoriti ini iaitu masyarakat Melayu telah bermula semenjak ayah beliau yang dahulu juga berkawan dengan orang Melayu. Hubungan pergaulan yang berlaku antara mereka sangat erat dan rapat sehingga masih lagi kukuh sehingga kini. Informan 8 pula berpendapat “*Kampung ni meme rama ore Melayu mari bua, jupo nge ore Cino hok puok dio kenal. Jadi, ore Cino pun terbiasa doh hidup nge ore Melayu.*” [Kampung ni memang ramai orang Melayu yang datang untuk berbual-bual, jumpa dengan orang Cina yang mereka kenal. Jadi orang Cina pun dah terbiasa hidup dengan orang Melayu] (Informan 8, Temu Bual, 01 Oktober 2023).

Menurut Informan 8 pula, Kampung Tokong merupakan kampung yang kerap kali dikunjungi oleh masyarakat Melayu. Masyarakat Melayu yang datang ke kampung ini untuk berkomunikasi dan berjumpa dengan masyarakat Cina telah menyebabkan



golongan minoriti iaitu masyarakat Cina Peranakan telah terbiasa dengan kehidupan mereka yang berkongsi budaya dengan masyarakat Melayu.

#### 4.3.2 Kunjungan Sesama Masyarakat

Asimilasi antara masyarakat Cina Peranakan dan masyarakat Melayu juga wujud dengan adanya majlis-majlis yang diadakan oleh masyarakat Melayu sendiri yang dilaksanakan di Kampung Tokong, Ketereh, Kota Bharu, Kelantan. Informan 1 menyatakan “*Kito samo-samo rai. Contoh, kalu kito buat rayo, joget, puok dio bersungguh mari walaupun jauh. Ado skali tu kito buat majlis “Kelapo Wongi”. Dio ado serunai nge muzik. Kito pakat nyanyi nge joget la ramai-ramai.*” [Kami sama-sama meraikan. Contohnya kalau kami buat perayaan, joget, mereka akan bersungguh-sungguh datang walaupun jauh. Pernah satu kali kami buat majlis “Kelapa Wangi”. Dia ada serunai dan muzik. Kami semua akan bernyanyi dan berjoget ramai-ramai] (Informan 1, Temu Bual, 12 September 2023).

Majlis “Kelapa Wangi” merupakan antara contoh majlis yang pernah dilakukan oleh masyarakat Cina Peranakan di Kampung Tokong. Majlis “Kelapa Wangi” dimeriahkan dengan adanya penggunaan serunai yang diiringi dengan muzik. Melalui majlis ini, ramai masyarakat Melayu datang ke kampung yang didiami oleh masyarakat Cina Peranakan untuk turut menyertai majlis yang diadakan seperti menyanyi dan berjoget bersama-sama. Informan 2 pula menyatakan “*Majlis mace ore-ore besar mari ceramah. Contoh mace ceramah bahagian politik.*” [Majlis seperti orang-orang berpangkat datang ceramah. Contoh macam ceramah bahagian politik] (Informan 2, Temu Bual, 24 September 2023).



Kampung Tokong, Ketereh, Kota Bharu, Kelantan juga merupakan kampung yang sering mendapat kunjungan daripada orang-orang kenamaan. Biasanya, kunjungan daripada pihak tersebut ke kampung yang didiami oleh masyarakat Cina Peranakan adalah bertujuan untuk memberi ceramah mengenai politik sebagai perkongsian dengan golongan Cina Peranakan ketika majlis tersebut diadakan. Informan 5 berpendapat seperti:

*Kalu majlis tu rajin buat kat rumah Tok Ngulu. Mace majlis rayo, Tok Wokil mari la rumah dio. Srupo Tahun Baru Cino tu kei. Wokil rakyat akei mari. Maso sambutan tu ado la bui angpao, bui limau. Tok Wokil tu mari melawat la*

[Kalau majlis tu pernah buat dekat rumah Tok Penghulu. Macam majlis raya, Tok Wakil akan datang rumah dia. Macam Tahun Baru Cina tu kan. Wakil rakyat akan datang la. Masa sambutan tu ada la bagi angpao, bagi limau. Tok Wakil tu datang untuk melawat la] (Informan 5, Temu Bual, 29 September 2023)

Menurut apa yang dinyatakan oleh Informan 5, Tok Wakil merupakan orang Melayu yang berkunjung ke rumah penghulu Kampung Tokong. Contohnya, pada musim perayaan Tahun Baru Cina, wakil rakyat daripada masyarakat Melayu akan melawat Kampung Tokong untuk memeriahkan lagi sambutan perayaan yang diadakan oleh golongan minoriti tersebut. Angpao dan buah limau diberikan kepada wakil masyarakat Melayu sebagai tanda penghargaan di atas kunjungan beliau ke majlis sambutan perayaan Tahun Baru Cina. Menurut Informan 6 pula *“Majlis makei lakso. Dio panggil Majlis Budaya Bersamo, Hari Rayo Bersamo ko gapo doh. Uncle tok ingat namo gapo. Dio buat makei-makei untuk rayo skali la. Tapi ore Melayu hok buat.”* [Majlis makan laksa.

Mereka sebut majlis budaya bersama, hari raya bersama atau apa dah. Uncle tidak pasti sangat nama dia. Dia buat makan-makan untuk beraya bersama. Tapi orang Melayu yang buat] (Informan 6, Temu Bual, 30 September 2023).

Setiap majlis yang dilaksanakan bukan sahaja dilakukan oleh masyarakat Cina Peranakan tetapi turut diadakan oleh masyarakat Melayu juga bagi menggalakkan lagi asimilasi berlaku dengan masyarakat Cina Peranakan. Menurut pernyataan daripada Informan 6, masyarakat Melayu pernah mengadakan majlis makan laksa dan menjemput masyarakat Cina Peranakan untuk menyertai majlis tersebut juga. Hal ini membuktikan bahawa kedua-dua masyarakat ini saling bekerjasama dalam mengeratkan lagi hubungan mereka di samping menjadi faktor asimilasi berlaku dengan sempurna.

#### 4.3.3 Perkahwinan Dengan Masyarakat Melayu

Perkahwinan juga turut menjadi faktor berlakunya proses asimilasi dalam kalangan masyarakat Cina Peranakan dengan golongan Melayu. Informan 1 menjelaskan bahawa *“Kalu nikoh tu ado la daley keluarga tu. Tok sedaro uncle tapi takdok doh.”* [Kalau berkahwin tu ada la dalam keluarga. Datuk saudara pakcik tapi sudah meninggal dunia] (Informan 1, Temu Bual, 12 September 2023).

Menurut Informan 1, perkahwinan antara kaum berbeza iaitu masyarakat Cina Peranakan dan masyarakat Melayu wujud dalam keluarga beliau iaitu datuk saudaranya. Hal ini bermaksud datuk saudara beliau telah melangsungkan perkahwinan bersama wanita Melayu pada suatu ketika dahulu. Manakala, Informan 5 menyatakan *“Kalu hok nikoh nge ore Islam, dio turut tok laki. Dio pindoh tempat lain. Ado hok kelik rumah mok*

*dio. Mulo-mulo jah maroh sebab nikoh nge ore Islam, lamo-lamo jadi biaso doh.*” [Kalau yang kahwin dengan orang Islam, mereka akan ikut suami. Mereka berpindah ke tempat lain. Ada juga yang balik ke rumah ibu dia. Mula-mula sahaja marah sebab kahwin dengan orang Islam, lama-lama jadi biasa dah] (Informan 5, Temu Bual, 29 September 2023).

Menurut Informan 5, masyarakat Cina Peranakan yang berkahwin dengan masyarakat Melayu akan berpindah dan menetap di tempat lain. Namun begitu, terdapat juga masyarakat Cina Peranakan yang pulang untuk menetap bersama keluarga. Walaupun perkahwinan yang berlaku adalah daripada dua buah kaum yang mempunyai agama berbeza, namun masyarakat Cina Peranakan semakin dapat menerima hubungan perkahwinan yang dibina. Bagi Informan 8 pula *“Ado, hok peluk Islam akei nikoh nge ore Melayu.”* [Ada, yang peluk Islam akan kahwin dengan orang Melayu] (Informan 8, Temu Bual, 01 Oktober 2023).

Informan 8 menyatakan bahawa masyarakat Cina Peranakan yang memeluk agama Islam akan berkahwin dengan masyarakat Melayu disebabkan anutan agama yang sama. Hal ini akan menggalakkan asimilasi berlaku apabila masyarakat Cina Peranakan memiliki hubungan kekeluargaan dengan masyarakat Melayu.

#### 4.3.4 Sifat Keterbukaan Masyarakat Melayu

Faktor asimilasi yang berlaku juga adalah disebabkan sifat keterbukaan yang ditunjukkan oleh masyarakat Melayu terhadap masyarakat Cina Peranakan. Informan 2 menyatakan *“Kalu rayo, ore Melayu ajok aunty g rumoh puok dio. Aunty gi la. Contoh,*

*kalu puok dio buat tupak, dio bui la ko aunty. Aunty pun kalu buat kuih, bui la ko puok dio.*” [Kalau hari raya, orang Melayu akan jemput makcik untuk pergi rumah mereka. Makcik pergi la. Contoh, kalau mereka buat ketupat, mereka akan beri pada makcik. Makcik pun kalau buat kuih akan beri pada mereka] (Informan 2, Temu Bual, 24 September 2023).

Melalui pernyataan yang diutarakan oleh Informan 2, dapat diketahui bahawa sifat keterbukaan yang ditonjolkan oleh masyarakat Melayu dapat dilihat ketika musim perayaan. Masyarakat Melayu turut menjemput masyarakat Cina Peranakan untuk datang ke rumah di samping bertukar-tukar makanan antara satu sama lain. Hal ini sememangnya menjadi pendorong hebat untuk masyarakat Cina Peranakan berasimilasi dengan masyarakat Melayu serta mewujudkan hubungan yang dekat antara mereka.

Informan 6 pula berpendapat seperti:

*Kalu ore Melayu ajok gi rumoh puok dio sebab majlis ngekkoh ko, nyambut rayo, rayo korban semo uncle gi. Tapi puok dio tetap doh la makenei ko ore Melayu nge makenei ko ore Cino. Tapi makenei Melayu hok uncle boleh makei, uncle makei. Kalu kito gi mano-mano, puok dio tegur sokmo*

[Kalau orang Melayu jemput ke rumah mereka sebab majlis akikah ke, sambutan raya, hari raya korban semua pakcik pergi. Tapi mereka dah tetapkan la makanan untuk orang Melayu dan makanan untuk orang Cina. Tapi makanan Melayu yang pakcik boleh makan, pakcik makan. Kalau kita pergi mana-mana, mereka sentiasa tegur] (Informan 6, Temu Bual, 30 September 2023).

Sifat keterbukaan masyarakat Melayu juga dapat dilihat apabila mereka turut mengundang masyarakat Cina Peranakan ke rumah-rumah mereka sama ada ketika majlis akikah, sambutan Hari Raya dan juga Hari Raya korban. Sifat keterbukaan yang ditunjukkan oleh masyarakat Melayu sememangnya mampu menarik hati masyarakat Cina Peranakan untuk turut bertandang ke rumah orang Melayu. Manakala, sifat keterbukaan masyarakat Melayu juga dapat dikenal pasti apabila mereka terlebih dahulu telah menyediakan makanan yang khusus untuk masyarakat Cina Peranakan sebagai persediaan untuk menerima kunjungan daripada golongan minoriti ini. Namun begitu, sifat keterbukaan daripada masyarakat Cina juga boleh dilihat melalui gaya pemakanan mereka yang turut gemar makan makanan Melayu juga. Tambahan lagi, sifat tegur bertegur sapa yang diamalkan oleh masyarakat Melayu ketika berjumpa dengan masyarakat Cina Peranakan turut menjadi bukti sifat keterbukaan kumpulan dominan ini.

Bagi Informan 7 pula, beliau berpendapat “*Semo pakat saing. Srupo sor keluargo doh. Ramai ore Melayu mari sini. Mace kedai uncle ni, hok jual Cino tapi ramai pelanggan Melayu hok mari beli sparepart.*” [Semua saling berkawan. Dah macam satu keluarga. Ramai orang Melayu datang sini. Macam di kedai pakcik ni, penjual Cina tapi ramai pelanggan Melayu datang untuk beli sparepart] (Informan 7, Temu Bual, 30 September 2023).

Hubungan rapat yang wujud antara masyarakat Cina Peranakan dan masyarakat Melayu sudah dapat diibaratkan seperti hubungan kekeluargaan. Hal ini kerana Kampung Tokong sentiasa menerima banyak kunjungan daripada orang Melayu. Malah, dari segi perniagaan pula, masyarakat Melayu sentiasa membeli atau mendapatkan barangan daripada kedai milik masyarakat Cina Peranakan walaupun masyarakat Melayu sudah

mengetahui bahawa perniagaan tersebut dimiliki oleh orang Cina. Ini dapat membuktikan bahawa masyarakat Melayu sememangnya bersifat terbuka dan tidak mengamalkan sifat yang berunsurkan perbandingan kaum. Informan 10 pula menyatakan bahawa “*Maso ayoh aunty sakit, Tok Wokil mari melawat.*” [Masa ayah maccik sakit, tok wakil datang melawat] (Informan 10, Temu Bual, 01 Oktober 2023).

Menurut pernyataan yang diutarakan oleh Informan 10, dapat dikenal pasti dengan jelas sifat keterbukaan masyarakat Melayu melalui sikap ziarah-menziarahi. Hal ini dapat dibuktikan dengan kehadiran wakil daripada masyarakat Melayu yang datang untuk menziarahi dan melawat salah satu penduduk masyarakat Cina Peranakan yang ditimpa musibah.

#### **4.4 Cara Masyarakat Cina Peranakan Mengekalkan Budaya Melayu Dalam Kalangan Mereka**

Budaya Melayu yang diamalkan oleh masyarakat Cina Peranakan di Kampung Tokong, Ketereh, Kota Bharu, Kelantan sememangnya menjadi identiti dan simbolik bagi masyarakat yang mewakili golongan minoriti ini. Justeru, masyarakat Cina Peranakan sedaya-upaya cuba untuk terus menjaga dan memelihara budaya Melayu dalam kalangan mereka agar budaya tersebut terus kekal dan sentiasa diamalkan dalam kehidupan seharian. Terdapat beberapa cara dilakukan bagi mengekalkan budaya Melayu oleh masyarakat Cina Peranakan seperti berikut:



#### 4.4.1 Perubahan Gaya Makan

Meskipun secara asalnya masyarakat Cina Peranakan masih lagi dikategorikan sebagai etnik Cina, namun disebabkan asimilasi yang berlaku telah mengubah cara hidup mereka. Keselesaan mereka dalam mengamalkan gaya hidup seperti masyarakat Melayu telah mendorong mereka untuk terus mengekalkan budaya Melayu dalam kalangan masyarakat Cina Peranakan agar tidak terhapus. Contohnya, adalah dari segi perubahan gaya makan mereka sebagai masyarakat Cina Peranakan. Informan 1 berpendapat bahawa “*Kito makey guno tangey*” [Kami makan menggunakan tangan] (Informan 1, Temu Bual, 12 September 2023). Menurut pernyataan daripada Informan 1, beliau sebagai masyarakat Cina Peranakan menggunakan tangan apabila makan. Ini menunjukkan bahawa masyarakat Cina Peranakan mengekalkan budaya Melayu dengan memilih untuk menggunakan tangan berbanding penyepit seperti kaum Cina asal.

Pendapat tersebut juga telah disokong dengan pernyataan daripada Informan 5 iaitu “*Uncle lebih banyak guno tangey. Macey ore Islam jugok*” [Pakcik lebih banyak guna tangan. Macam orang Islam juga] (Informan 5, Temu Bual, 29 September 2023). Informan 5 menyatakan bahawa beliau juga lebih banyak menggunakan tangan ketika makan sama seperti orang Islam yang merujuk kepada masyarakat Melayu. Cara hidup ini membuktikan bahawa budaya Melayu dikekalkan dalam masyarakat Cina Peranakan melalui cara hidup yang diamalkan dengan lebih memilih untuk mengikut cara hidup Melayu lagi berbanding cara hidup kaum mereka sendiri.

Bagi Informan 7 pula, beliau menyatakan bahawa “*Uncle lebih banyak makey makeney Melayu lagi. Uncle pun lebih suko makeney Melayu lagi banding nga Cino*”



[Pakcik lebih banyak makan makanan Melayu lagi. Pakcik pun lebih suka makanan Melayu berbanding Cina] (Informan 7, Temu Bual, 30 September 2023). Menurut Informan 7, beliau lebih banyak makan makanan Melayu. Malah, beliau juga lebih meminati makanan Melayu berbanding makanan Cina walaupun beliau bukanlah berasal daripada masyarakat Melayu. Perkara ini berlaku disebabkan mereka telah lama menetap di kawasan Melayu malah kampung mereka juga keseluruhannya dikelilingi oleh masyarakat Melayu juga. Secara tidak langsung, keadaan ini telah mendorong mereka untuk terus mengamalkan budaya masyarakat dominan tersebut sehingga turut mempengaruhi kehidupan Cina Peranakan sendiri. Informan 9 pula menyatakan bahawa “*Semo makey nasik putih. Nasik air pakat tok makey doh*” [Semua makan nasi putih. Nasi air tidak makan dah] (Informan 9, Temu Bual, 01 Oktober 2023). Informan 9 menjelaskan bahawa semua masyarakat Cina Peranakan makan nasi putih. Nasi putih merupakan makanan ruji bagi masyarakat Melayu dan merupakan makanan utama dalam kehidupan masyarakat Melayu. Namun, disebabkan proses asimilasi yang telah berlaku, nasi putih juga turut menjadi makanan pilihan bagi masyarakat Cina Peranakan.

Informan 10 pula menjelaskan bahawa “*Makaney Melayu sebati doh daley diri aunty ibarat tokleh tinggal budu maso makey*” [Makanan Melayu sudah sebati dalam diri makcik ibarat tidak boleh tinggal budu semasa makan] (Informan 10, Temu Bual, 01 Oktober 2023). Merujuk kepada pernyataan daripada Informan 10, dapat diketahui bahawa makanan Melayu telah sebati dalam diri masyarakat Cina Peranakan. Hal ini kerana masyarakat Cina Peranakan sentiasa makan makanan Melayu disebabkan mereka telah banyak dipengaruhi dengan budaya masyarakat majoriti tersebut. Pengekalan budaya Melayu dalam kalangan masyarakat Cina Peranakan juga telah dibuktikan melalui

gaya makan mereka yang terlalu menggemari makanan Melayu sehingga menjadi makanan rutin mereka juga.

#### 4.4.2 Perubahan Gaya Pemakaian

Dalam terus mengekalkan budaya Melayu dalam kalangan masyarakat Cina Peranakan, gaya pemakaian mereka juga turut berubah. Pemakaian masyarakat Cina Peranakan dalam kehidupan seharian mereka lebih menyerupai masyarakat Melayu juga. Informan 1 menyatakan bahawa "*Baju macey Cheongsam tu takdok doh. Bukey kito jah takdok, ore lain pun takdok jugok*" [Baju macam Cheongsam dah tiada. Bukan kita sahaja tiada, orang lain pun tiada juga] (Informan 1, Temu Bual, 12 September 2023). Melalui apa yang diutarakan oleh Informan 1, pakaian tradisional bagi kaum Cina iaitu Cheongsam sudah tidak dipakai lagi dalam kalangan mereka. Hal ini berlaku kerana masyarakat Cina Peranakan di kawasan ini sering memakai pakaian yang lebih menyerupai masyarakat Melayu juga demi mengekalkan budaya tersebut. Perubahan gaya pemakaian mereka berlaku disebabkan percampuran antara masyarakat Cina Peranakan dan masyarakat Melayu yang terlalu kuat sehingga menghakis budaya pemakaian asal kaum Cina.

Informan 2 pula berpendapat bahawa "*Aunty pakai kain sarung, pakai seluar pun ado. Baju srupo ore Cino tu aunty tok pakai. Kalu nok tubik gak, aunty pakai seluar panjey*" [Makcik pakai kain sarung, pakai seluar pun ada. Baju seperti orang Cina tu makcik tidak pakai. Kalau keluar, makcik pakai seluar panjang] (Informan 2, Temu Bual, 24 September 2023). Melalui pernyataan daripada Informan 2, dapat dibuktikan bahawa masyarakat Cina Peranakan mengekalkan budaya Melayu melalui pemakaian kain sarung

dan seluar panjang. Pemakaian baju seperti kaum Cina asal sudah tidak digayakan lagi oleh mereka. Kain sarung sentiasa menjadi pilihan utama bagi masyarakat Cina Peranakan sama seperti wanita Melayu.

Pendapat Informan 3 pula adalah “*Uncle pakai jugok kain sarung, kain pelikat, baju tshirt*” [*Pakcik apakai juga kain sarung, kain pelikat, baju tshirt*] (Informan 3, Temu Bual, 24 September 2023). Pernyataan daripada Informan 3 dapat menjadi bukti bahawa gaya pemakaian menjadi medium untuk masyarakat Cina Peranakan kekalkan budaya Melayu. Golongan lelaki masyarakat ini begitu gemar memakai kain sarung, kain pelikat dan baju tshirt sebagai pakaian harian mereka. Pendapat daripada informan 5 pula adalah “*Kalu gi tempat bekwoh ado jugok pakai baju kurung*” [Kalau pergi kenduri, ada juga pakai baju kurung] (Informan 5, Temu Bual, 29 September 2023). Berdasarkan pernyataan Informan 5, baju kurung turut dipakai oleh masyarakat Cina Peranakan terutamanya ketika pergi ke tempat kenduri. Pemakaian baju kurung dapat menjadi simbolik bagi masyarakat Cina Peranakan setelah menerima pengaruh budaya Melayu. Informan 6 menjelaskan bahawa “*Uncle pakai jugok baju Melayu. Uncle ado 2 pasey baju Melayu*” [*Pakcik pakai juga baju Melayu. Pakcik ada 2 pasang baju Melayu*] (Informan 6, Temu Bual, 30 September 2023). Masyarakat Cina Peranakan mengekalkan budaya Melayu melalui pemakaian baju Melayu bagi golongan lelaki. Hal ini kerana baju Melayu merupakan pakaian tradisional kaum lelaki dalam masyarakat Melayu namun disebabkan asimilasi yang telah berlaku, pemakaian baju Melayu ini turut dipakai oleh masyarakat Cina Peranakan juga.

#### 4.4.3 Perubahan Dialek Bahasa Dalam Komunikasi

Bagi masyarakat Cina Peranakan yang menetap di Kelantan, bahasa yang digunakan oleh mereka ketika berkomunikasi sememangnya menggunakan Bahasa Melayu dialek Kelantan. Dialek bahasa inilah yang membezakan masyarakat Cina Peranakan Kelantan dengan masyarakat Cina Peranakan negeri lain. Sebagai simbolik masyarakat Cina Peranakan, penggunaan Bahasa Melayu dialek Kelantan sentiasa digunapakai oleh mereka di samping menjadi medium utama juga bagi mereka mengekalkan budaya Melayu dalam kalangan Cina Peranakan. Informan 1 menjelaskan bahawa “*Walaupun Cino nge Cino, kito guno bahaso Klate jugok sebab biaso doh*” [Walaupun Cina dengan Cina, kita guna bahasa Kelantan juga sebab sudah biasa] (Informan 1, Temu Bual, 12 September 2023). Penjelasan daripada informan 1 menunjukkan bahawa masyarakat Cina Peranakan masih lagi menggunakan bahasa Melayu Kelantan walaupun berkomunikasi sesama mereka sendiri. Hal ini dapat menjamin bahawa budaya Melayu akan kekal dalam kalangan mereka. Informan 6 pula berpendapat bahawa “*Walaupun ado hok belajar Mandarin, ado sesetengah dari puok dio tok pehe jugok. Jadi, puok dio pun tetap guno bahaso Melayu*” [Walaupun ada yang belajar Mandarin, ada sesetengah daripada mereka tidak faham juga. Jadi, mereka tetap guna bahasa Melayu] (Informan 6, Temu Bual, 30 September 2023). Bahasa Melayu tetap menjadi bahasa pilihan masyarakat Cina Peranakan walaupun terdapat daripada mereka turut mempelajari bahasa Mandarin. Ini membuktikan bahawa masyarakat Cina Peranakan lebih memilih untuk menggunakan bahasa Melayu walaupun mereka turut memiliki bahasa ibunda demi mengekalkan budaya masyarakat dominan dalam kalangan mereka.

Informan 7 berpendapat bahawa “*Kalu kecek nge ore kampung, guno bahaso Kelate sokmo*” [Kalau bercakap dengan orang kampung, guna bahasa Kelantan] (Informan 7, Temu Bual, 30 September 2023). Melalui pendapat daripada Informan 7, dapat dikenal pasti bahawa masyarakat Cina Peranakan sememangnya menggunakan bahasa Kelantan ketika berkomunikasi sesama mereka. Informan 10 pula menjelaskan bahawa “*Kecek nge keluarga pun guno bahaso Melayu jugok*” [Bercakap dengan keluarga pun guna bahasa Melayu juga] (Informan 10, Temu Bual, 01 Oktober 2023). Pernyataan daripada informan 10 jelas membuktikan bahawa mereka mengekalkan budaya Melayu melalui bahasa yang digunakan ketika berkomunikasi. Ini kerana masyarakat Cina Peranakan turut menggunakan bahasa Melayu walaupun berkomunikasi dengan ahli keluarga.

#### 4.4.4 Perubahan Masakan

Masakan juga merupakan sebahagian daripada cara yang diaplikasikan oleh masyarakat Cina Peranakan untuk mengekalkan budaya Melayu dalam kalangan mereka. Bahan-bahan masakan yang digunakan secara keseluruhannya menggunakan bahan masakan Melayu malah mereka juga lebih banyak memasak masakan Melayu berbanding masakan yang berasal daripada kaum Cina sendiri. Menurut Informan 1 “*Menu pun srupo Melayu jugok macey gulai ayam, singgey, gulai kawoh. Uncle nge aunty pun rajin jugok buat nasi kerabu, laksa, nasi dagang*” [Menu pun sama dengan Melayu juga seperti gulai ayam, singgang, gulai kawah. Pakcik dan makcik pun pernah juga buat nasi kerabu, laksa, nasi dagang] (Informan 1, Temu Bual, 12 September 2023). Masakan masyarakat Cina Peranakan juga lebih banyak menyerupai menu makanan Melayu. Sebagai contoh, Informan 1 memiliki kemahiran dalam memasak menu makanan Melayu seperti gulai

ayam, singgang, gulai kawah, nasi kerabu, laksa dan nasi dagang. Masakan yang dihasilkan ini secara tidak langsung dapat mengekalkan budaya Melayu dalam kalangan mereka.

Informan 2 menjelaskan bahawa “*Macey gulai aunty ikut ore Melayu. Macey kuas, bawey. Aunty boleh masok gulai daging, gulai ikey*” [Macam gulai makcik ikut orang Melayu. Macam lengkuas, bawang. Makcik boleh masak gulai daging, gulai ikan] (Informan 2, Temu Bual, 24 September 2023). Informan 2 menyatakan bahawa masakan yang dihasilkan oleh beliau adalah berdasarkan resepi masyarakat Melayu. Malah, dari segi penggunaan bahan-bahan juga, beliau menggunakan bahan masakan Melayu seperti lengkuas dan bawang. Melalui cara ini, budaya Melayu akan kekal wujud dalam kalangan mereka. Pernyataan daripada Informan 7 pula adalah “*Uncle banyok makey makeney Melayu loni. Masakan lebih kurey ore Melayu masok jugok*” [Pakcik banyak makan makanan Melayu sekarang. Masakan lebih kurang orang Melayu masak juga] (Informan 7, Temu Bual, 30 September 2023). Berdasarkan penjelasan daripada Informan 7, dapat diketahui bahawa beliau sebagai salah seorang masyarakat Cina Peranakan lebih banyak makan makanan Melayu berbanding makanan kaum Cina. Selain itu, setiap masakan yang dihasilkan juga sama dengan cara masakan daripada masyarakat Melayu sendiri. Bagi Informan 8 pula adalah “*Aunty masok sdiri jah nasik dagey. Nasik lemak, lakso pun boleh jugok. Resepi tu gak aunty guno resepi Melayu blako*” [Makcik masak sendiri nasi dagang. Nasi lemak, laksa pun boleh juga. Resepi pula makcik guna resepi Melayu semua] (Informan 8, Temu Bual, 01 Oktober 2023).

Berdasarkan penjelasan daripada Informan 8, dapat dibuktikan bahawa masyarakat Cina Peranakan mengekalkan budaya Melayu dalam kalangan mereka



melalui penggunaan resepi masakan iaitu resepi masakan Melayu. Setiap resepi masakan Melayu diguna oleh mereka dalam memasak masakan Melayu dalam kehidupan sehariannya. Pernyataan tersebut juga turut disokong oleh Informan 10 iaitu “*Makey srupo ore Melayu. Contohnya budu, ikan singgey, asey pedas. Semo aunty masak sdiri. Bahan-bahan pun guno bahan Melayu blako*” [Makan sama seperti orang Melayu. Contohnya budu, ikan singgang, asam pedas. Semua makcik masak sendiri. Bahan-bahan pun guna bahan Melayu semua] (Informan 10, Temu Bual, 01 Oktober 2023). Melalui pernyataan yang diutarakan oleh Informan 10 sepanjang temu bual, jelaslah bahawa masyarakat Cina Peranakan sememangnya mengetengahkan masakan dan penggunaan bahan-bahan masakan Melayu demi mengekalkan budaya Melayu dalam kalangan mereka agar budaya Melayu tidak terhakis begitu sahaja. Jelaslah, budaya Melayu telah memberi pengaruh yang hebat terhadap masyarakat Cina Peranakan sepanjang proses asimilasi berlaku.

#### **4.5 Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, bab ini telah membincangkan dapatan kajian yang diperolehi dengan lebih terperinci dan mendalam lagi berkaitan pengaruh budaya Melayu terhadap masyarakat Cina Peranakan di Kampung Tokong, Ketereh, Kota Bharu Kelantan. Segala dapatan kajian yang diperolehi oleh pengkaji dalam melaksanakan kajian ini adalah dengan menggunakan kaedah kualitatif. Setiap data dan maklumat yang berhasil didapati oleh pengkaji adalah melalui proses temu bual yang dilakukan bersama 10 orang informan yang terdiri daripada masyarakat Cina Peranakan sahaja. Setiap temu bual yang dilakukan oleh pengkaji bersama informan adalah bertujuan untuk mencapai objektif yang telah disenaraikan. Bagi soalan-soalan yang dikemukakan oleh pengkaji



untuk setiap informan merupakan antara soalan yang penting untuk membantu pengkaji mendapatkan data bagi setiap objektif iaitu mengenal pasti jenis budaya Melayu yang diadaptasi oleh masyarakat Cina Peranakan di Kampung Tokong, Ketereh, Kota Bharu, Kelantan, mengkaji faktor yang menyebabkan budaya Melayu dan Cina Peranakan diasimilasi dan menganalisis cara masyarakat Cina Peranakan mengekalkan budaya Melayu dalam kalangan mereka. Setiap proses temu bual yang dilakukan adalah secara bersemuka bagi membantu pengkaji untuk mengajukan soalan secara terbuka bagi menambahkan kefahaman supaya setiap data yang diperolehi adalah jelas.

## **BAB LIMA**

### **KESIMPULAN DAN CADANGAN**

Bab ini merupakan rumusan terhadap keseluruhan kajian mengenai pengaruh budaya Melayu terhadap masyarakat Cina Peranakan di Kampung Tokong, Ketereh, Kota Bharu, Kelantan. Bab ini juga membincangkan secara ringkas berkaitan bab satu, bab dua, bab tiga dan bab empat. Manakala, tiga bahagian utama yang merangkumi rumusan kajian, dapatan utama dan cadangan turut diterangkan dalam bab lima.

#### **5.1 Rumusan Kajian**

Bab satu dalam kajian ini adalah huraian mengenai pengenalan masyarakat Cina Peranakan, cara kedatangan mereka ke Kelantan, bagaimana masyarakat Cina Peranakan mula berkembang di negeri ini dan sejauh mana budaya Melayu telah mempengaruhi masyarakat Cina Peranakan sehingga mengubah identiti mereka. Bab ini juga turut mengandungi beberapa subtopik iaitu permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, signifikansi kajian, lokasi kajian serta peta kajian juga turut disertakan dalam bab satu sebagai rujukan terhadap kawasan kampung yang menjadi pilihan pengkaji untuk melaksanakan kajian. Kajian ini juga dilaksanakan dengan terperinci bagi mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan iaitu mengenal pasti jenis budaya Melayu yang diadaptasi oleh masyarakat Cina Peranakan di Kampung Tokong, Ketereh, Kota Bharu, Kelantan, mengkaji faktor yang menyebabkan budaya Melayu dan Cina

Peranakan diasimilasi dan menganalisis cara masyarakat Cina Peranakan mengekalkan budaya Melayu dalam kalangan mereka.

Selain itu, bab dua pula menerangkan kajian literatur sebagai kajian sokongan bagi membantu pengkaji melaksanakan kajian ini. Beberapa kajian lepas mengenai definisi budaya dan definisi masyarakat Cina Peranakan, sejarah masyarakat Cina Peranakan, takrifan asimilasi serta asimilasi budaya Melayu dalam masyarakat Cina Peranakan dijadikan sebagai subtopik dalam bab ini. Manakala, aplikasi teori juga turut dibincangkan dalam bab dua. Berdasarkan kajian yang dilaksanakan, teori asimilasi daripada Park & Burgess (1921) dipilih oleh pengkaji sebagai rujukan utama untuk mendapatkan data berkaitan pengaruh budaya Melayu terhadap masyarakat Cina Peranakan di Kampung Tokong, Ketereh, Kota Bharu, Kelantan. Pemilihan teori ini adalah kerana ianya bertepatan dan sesuai dengan tajuk kajian yang dijalankan mengenai proses asimilasi yang berlaku dalam antara golongan minoriti iaitu komuniti Cina Peranakan dengan masyarakat Melayu.

Seterusnya, bab tiga menghuraikan mengenai metodologi dan analisis data yang dilakukan oleh pengkaji sepanjang menyelesaikan kajian ini. Bagi metodologi, pengkaji menggunakan pendekatan kajian iaitu kaedah kualitatif. Kajian kes yang memerlukan penglibatan daripada pengkaji sendiri juga turut dipilih agar pengkaji dapat mengetahui kehidupan sebenar masyarakat Cina Peranakan di lokasi kajian tersebut. Kaedah kajian yang diguna sepanjang kajian ini dilaksanakan adalah melalui temu bual dan pemerhatian. Menerusi kaedah temu bual ini, soalan berbentuk informal dan 'open-ended' diajukan terhadap 10 orang informan yang terdiri daripada masyarakat Cina Peranakan melalui

teknik pensampelan bertujuan dan teknik pensampelan bebola salji. Bab ini juga turut menghuraikan senarai alat bantuan kajian yang diguna oleh pengkaji semasa melaksanakan kajian. Bagi kaedah pemerhatian pula, pengkaji menggunakan konsep pemerhatian bukan peserta di mana pengkaji memerhati segala sikap, perlakuan dan cara komunikasi antara masyarakat Cina Peranakan. Analisis data pula adalah menggunakan analisis tematik.

Manakala, bab empat pula mengenai dapatan kajian yang berhasil diperolehi oleh pengkaji sepanjang menjalankan proses temu bual dan pemerhatian ketika bersama para informan. Setiap dapatan kajian yang didapati oleh pengkaji bertepatan dengan setiap objektif kajian yang telah disenaraikan. Data-data yang diperolehi daripada informan adalah merangkumi jenis budaya Melayu yang telah diasimilasi oleh masyarakat Cina Peranakan, faktor percampuran yang telah berlaku dan bagaimana masyarakat Cina mengekalkan budaya Melayu dalam kalangan mereka. Dapatan baharu yang ditemui oleh pengkaji juga turut dibincangkan dalam bab ini.

## **5.2 Dapatan Utama**

Dapatan utama yang dikenal pasti oleh pengkaji dalam kajian ini adalah masyarakat Cina Peranakan di Kampung Tokong, Ketereh, Kota Bharu, Kelantan sememangnya menerima pengaruh budaya Melayu. Hal ini kerana masyarakat Cina Peranakan di kampung ini telah melalui proses asimilasi yang kuat dengan masyarakat Melayu memandangkan sekeliling kawasan penempatan mereka didominasi oleh masyarakat Melayu. Secara tidak langsung, percampuran antara dua buah masyarakat

yang berbeza kaum dan agama ini telah berlaku sehingga ianya telah memberi kesan terhadap masyarakat minoriti iaitu Cina Peranakan. Budaya Melayu telah memberi pengaruh yang besar terhadap masyarakat Cina Peranakan sehingga budaya dan identiti asal masyarakat Cina Peranakan telah terhapus. Penggantian budaya ke atas masyarakat Cina Peranakan telah memberi identiti baru terhadap masyarakat Cina Peranakan dan menjadi simbolik bagi golongan ini.

Identiti masyarakat Cina Peranakan di Kampung Tokong, Ketereh, Kota Bharu, Kelantan dilihat memiliki keistimewaan dan keunikan yang tersendiri. Ini kerana budaya Melayu sangat sehati dalam diri mereka sehingga mereka menjalani kehidupan seharian sama seperti masyarakat Melayu yang asli. Asimilasi yang telah berlaku sepanjang kependudukan mereka di kawasan Melayu ketika zaman nenek moyang lagi sememangnya membawa perubahan yang hebat dalam kalangan masyarakat minoriti ini. Malahan, keterbukaan diri mereka dalam menerima setiap budaya Melayu juga telah mendorong masyarakat Cina Peranakan untuk sentiasa mengamalkan cara hidup seperti masyarakat Melayu. Masyarakat Cina Peranakan di Kampung Tokong, Ketereh, Kota Bharu, Kelantan telah membuktikan bahawa mereka merupakan masyarakat Cina Peranakan yang telah menerima pengaruh budaya Melayu dalam kehidupan sehingga semua aspek dalam budaya ini sentiasa diamalkan dan menjadi rutin harian mereka.

Namun begitu, sepanjang kajian ini dilaksanakan, pengkaji turut melihat bahawa budaya Melayu dalam kalangan masyarakat Cina Peranakan semakin terhakis. Kebanyakan golongan muda daripada masyarakat Cina Peranakan yang menetap di Kampung Tokong, Ketereh, Kota Bharu, Kelantan telah berhijrah ke Singapura

disebabkan faktor pekerjaan. Hal ini kerana mata wang Singapura yang lebih mahal mendorong mereka untuk mencari pekerjaan di sana bagi menjamin kehidupan. Migrasi golongan belia ke Singapura juga telah menyebabkan mereka jarang pulang ke Kelantan. Seiring dengan faktor migrasi, budaya Melayu dalam kalangan generasi muda semakin terhakis secara perlahan-lahan kerana mereka telah terdedah dengan kepelbagaian budaya lain yang turut terdapat di sana. Secara tidak langsung, generasi muda masyarakat Cina Peranakan semakin hilang rasa penghargaan dan minat terhadap budaya Melayu yang telah memberi identiti baru terhadap golongan minoriti tersebut.

### 5.3 Cadangan

Kajian ini adalah mengenai pengaruh budaya Melayu terhadap masyarakat Cina Peranakan di Kampung Tokong, Ketereh, Kota Bharu, Kelantan. Sepanjang pengkaji melaksanakan kajian ini, pengkaji mendapati bahawa masyarakat Cina Peranakan sememangnya telah terasimilasi dengan budaya Melayu sepanjang kependudukan mereka yang dikelilingi oleh orang Melayu. Namun begitu, walaupun masyarakat Cina Peranakan telah menerima pengaruh yang kuat daripada kepelbagaian budaya Melayu, tetapi pada masa kini, budaya Melayu dalam kalangan masyarakat Cina Peranakan semakin hilang terutamanya dalam kalangan generasi muda. Oleh itu, pengkaji mencadangkan bahawa persembahan berkaitan kebudayaan Melayu perlu giat dipersembahkan terutamanya dalam kalangan masyarakat Cina Peranakan. Persembahan seperti Wayang Kulit, Dikir Barat, Makyong dan sebagainya adalah contoh persembahan kebudayaan Melayu yang sesuai dipertontonkan oleh masyarakat Cina Peranakan. Persembahan ini adalah bertujuan untuk memperlihatkan keunikan budaya Melayu agar dapat terus dikekalkan dalam kalangan masyarakat Cina Peranakan sama ada golongan muda dan tua.



## RUJUKAN

Abdul Karim, M. S. (2019, April 23). *Tahap Asimilasi Etnik: Kajian Kes Melayu Dan Cina Di Kelantan*. Welcome to Repository@USM - USM Research and Publication. Retrieved February 23, 2024, from <http://eprints.usm.my/44185/>

Abidin, Z., Halim, M. Z., Yusof, Yusri, M., Hassan, Paiz, Yaacob, M., Rahman, H., Yaacob, & Mazlah. (2012). *Asimilasi budaya melayu dalam masyarakat cina peranakan di Negeri Kelantan : kajian di Kampung Pasir Parit, Chetok, Pasir Mas, Kelantan*. UiTM Institutional Repository. Retrieved February 23, 2024, from <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/50851/>

*Apa Itu Teori Asimilasi dan Pengertiannya Menurut Para Ahli?* (2021, August 3). Tirto.ID. Retrieved February 23, 2024, from <https://tirto.id/apa-itu-teori-asimilasi-dan-pengertiannya-menurut-para-ahli-giiD>

Arifin, N. H. (2014, February 18). *Definisi kebudayaan / PDF*. SlideShare. Retrieved February 23, 2024, from <https://www.slideshare.net/nurulhawaniarifin/definisi-kebudayaan>

Awang, A., Mat, A. C., & Mahmud, W. (2018, August 4). *View of KESEPADUAN BUDAYA*

*MELAYU DALAM KEHIDUPAN KOMUNITI CINA MUSLIM DI NEGERI TERENGGANU.*

Jurnal Kemanusiaan. Retrieved February 23, 2024, from

<https://jurnalkemanusiaan.utm.my/index.php/kemanusiaan/article/view/239/243>

*Bab 2 Landasan Teori 2.1 Konsep Asimilasi Menurut Soekanto (1990 : 88), asimilasi*

*(assimilation) merupakan proses sosial dalam.* (n.d.). BiNus Library. Retrieved February 23, 2024, from

<http://library.binus.ac.id/eColls/eThesisdoc/Bab2/2010-2-00321-JP%20bab%202.pdf>

Basri, M. (2015, November 4). *(PDF) Bab 4: Kaedah Kajian.* ResearchGate.

Retrieved February 23, 2024, from

[https://www.researchgate.net/publication/283479198\\_Bab\\_4\\_Kaedah\\_Kajian](https://www.researchgate.net/publication/283479198_Bab_4_Kaedah_Kajian)

Bee, K. C. (2013, 07 16). Pengalihan kod dan percampuran kod dalam komuniti Cina peranakan Kelantan. Pengalihan kod dan percampuran kod dalam komuniti Cina peranakan Kelantan.

<http://studentsrepo.um.edu.my/1670/>

Byrne, D. A worked example of Braun and Clarke's approach to reflexive thematic analysis. *Qual Quant* **56**, 1391–1412 (2022).

<https://doi.org/10.1007/s11135-021-01182-y>

David, Coker. (2021). Making Thematic Analysis Systematic: The Seven Deadly Sins. *Journal of Studies in Education*, 11(3):126-146.

<https://doi.org/10.5296/jse.v11i3.18882>

DosenSosiologi.com. (2023, June 14). *Pengertian Asimilasi, Ciri, Syarat, Faktor dan Contohnya*. DosenSosiologi.com. Retrieved February 23, 2024, from

<https://dosen sosiologi.com/pengertian-asimilasi-ciri-syarat-faktor-dan-contohnya-lengkap/>

Faris, M. (2020). (PDF) *Asimilasi Masyarakat Cina dengan Orang Melayu di Kelantan [Asimilation of Chinese Community and Malays in Kelantan]* BITARA *International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*. ResearchGate. Retrieved February 23, 2024, from

[https://www.researchgate.net/publication/344493597\\_Asimilasi\\_Masyarakat\\_Cina\\_dengan\\_Orang\\_Melayu\\_di\\_Kelantan\\_Asimilation\\_of\\_Chinese\\_Community\\_and\\_Malays\\_in\\_Kelantan\\_BITARA\\_International\\_Journal\\_of\\_Civilizational\\_Studies\\_and\\_Human\\_Sciences](https://www.researchgate.net/publication/344493597_Asimilasi_Masyarakat_Cina_dengan_Orang_Melayu_di_Kelantan_Asimilation_of_Chinese_Community_and_Malays_in_Kelantan_BITARA_International_Journal_of_Civilizational_Studies_and_Human_Sciences)

Fatah, M. (2020). *Asimilasi Masyarakat Cina dengan Orang Melayu di Kelantan [Asimilation of Chinese Community and Malays in Kelantan]*. Asimilasi Masyarakat Cina dengan Orang Melayu di Kelantan [Asimilation of Chinese Community and Malays in Kelantan].

[https://www.academia.edu/98758268/Asimilasi Masyarakat Cina dengan Orang Melayu di Kelantan Asimilation of Chinese Community and Malays in Kelantan](https://www.academia.edu/98758268/Asimilasi_Masyarakat_Cina_dengan_Orang_Melayu_di_Kelantan_Asimilation_of_Chinese_Community_and_Malays_in_Kelantan)

Halcomb, E.J. and Davidson, P.M. (2006) *Is Verbatim Transcription of Interview Data Always Necessary Applied Nursing Research, 19, 38-42. - References.* (n.d.). Scientific Research Publishing. Retrieved July 16, 2023, from

[https://www.scirp.org/\(S\(351jmbntvnsjt1aadkozje\)\)/reference/referencespapers.aspx?referenceid=2225602](https://www.scirp.org/(S(351jmbntvnsjt1aadkozje))/reference/referencespapers.aspx?referenceid=2225602)

Heriyanto. (2018). Thematic Analysis sebagai Metode Menganalisa Data untuk Penelitian Kualitatif. *Thematic Analysis sebagai Metode Menganalisa Data untuk Penelitian Kualitatif, 2(3): 317-324, 317-324.*

Ibrahim, N. A. (2014, March 19). *KAIN SARUNG WARISAN BANGSA.*

Affizar'sCorner. Retrieved February 23, 2024, from

[https://affizaribrahim.blogspot.com/2014/03/kain-sarung-warisan-bangsa\\_19.html](https://affizaribrahim.blogspot.com/2014/03/kain-sarung-warisan-bangsa_19.html)

Jupry, A. (2018, 12 16). *Kajian tindakan dan kajian kes*. Slideshare a Scribd company.\_

<https://www.slideshare.net/asiahjupry/kajian-tindakan-dan-kajian-kes-125981071>

Kaur, C. (2014, 8 2). *Identiti Etnik Minoriti di Malaysia: Antara Realiti Sosial Tafsiran Autoriti dan Tafsiran Harian*. CORE. Retrieved February 23, 2024, from

<https://core.ac.uk/download/pdf/33343716.pdf>

Macfarlan, A. (n.d.). *Non-participant observation*. Better Evaluation. Retrieved February 23, 2024, from

<https://www.betterevaluation.org/methods-approaches/methods/non-participant-observation>

Mat Razi, N. A. (2018, 05 13). *KELEBIHAN ASIMILASI DALAM HUBUNGAN ETNIK DI MALAYSIA. KELEBIHAN ASIMILASI DALAM HUBUNGAN ETNIK DI MALAYSIA.*

<https://www.studocu.com/my/document/institut-pendidikan-guru-kampus-ipoh/bahasa-melayu/asimilasi/12537889>

Mohd Nor, M. R., & Hasan, H. (2010, June 30). *Kebolehan Bahasa Masyarakat Cina Peranakan Kelantan | Jurnal Usuluddin*. UM Journal. Retrieved February 23, 2024, from

<https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUD/article/view/7382>

Mohd Roslan Mohd Nor. (2011, 07 20). *KEBOLEHAN BAHASA MASYARAKAT CINA PERANAKAN KELANTAN*. KEBOLEHAN BAHASA MASYARAKAT CINA PERANAKAN KELANTAN.

<https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUD/article/download/7382/5018/15788>

M. Prawiro. (2019, 04 12). *Pengertian Asimilasi: Arti, Ciri-Ciri, Syarat, Faktor, dan Contoh Asimilasi*. Maxmanroe.com.

<https://www.maxmanroe.com/vid/sosial/pengertian-asimilasi.html>

Mohamad Kamil, I. M. (n.d.). *Asimilasi Budaya Sebagai Satu Proses Integrasi Sosial Di Malaysia*. Klik Web DBP. Retrieved February 23, 2024, from

<https://klikweb.dbp.my/?p=18218>

Putri, V.K.M., & Gischa, S. (2021, November 8). *Bagaimana Proses Asimilasi?* Kompas.com. Retrieved February 23, 2024, from

<https://www.kompas.com/skola/read/2021/11/08/170000669/bagaimana-proses-asimilasi->

Putri, V.K.M., & Gischa, S. (2023, November 7). *Teori Struktural Fungsionalisme Menurut Talcott Parsons Halaman all*. Kompas.com. Retrieved February 23, 2024, from

<https://www.kompas.com/skola/read/2023/11/07/013000969/teori-struktural-fungsionalisme-menurut-talcott-parsons?page=all>

Rashed, A. (2016, September 3). *Asimilasi dan akomodasi- CROSS-CULTURAL PSYCHOLOGY*. Adid Rashed. Retrieved February 23, 2024, from

<http://adidrashid.blogspot.com/2016/09/asimilasi-dan-akomodasi-cross-cultural.html>

Sarifin, M. R. (2020, January 2). (PDF) *Budaya dan Identiti dalam Kalangan Orang Bawean*. ResearchGate. Retrieved February 23, 2024, from

[https://www.researchgate.net/publication/338336662\\_Budaya\\_dan\\_Identiti\\_dalam\\_Kalangan\\_Orang\\_Bawean](https://www.researchgate.net/publication/338336662_Budaya_dan_Identiti_dalam_Kalangan_Orang_Bawean)

Shahrulnizam, A. (2023, 01 25). *Warisan budaya Cina Peranakan makin terhakis.*

Warisan budaya Cina Peranakan makin terhakis.\_

<https://www.bharian.com.my/rencana/sastera/2023/01/1055846/warisan-budaya-cina-peranakan-makin-terhakis?fbclid=IwAR36yHKxSJ1rgYl-Hpkuxplxs4879c6P9oT9WHKvSJnKmSi9oYkA68EvTnc&mibextid=Zxz2cZ>



STM Pembangunan. (2019, 06 26). *Kajian ini menggunakan teknik pensampelan secara bertujuan atau bukan*. Course Hero.

<https://www.coursehero.com/file/p3hucvb/Kajian-ini-menggunakan-teknik-pensampelan-secara-bertujuan-atau-bukan/>

Subramaniam, R. S. (2015). *BAB DUA KONSEP DAN TEORI 2.1 Konsep Budaya*.

UM Students' Repository. Retrieved February 23, 2024, from

[http://studentsrepo.um.edu.my/6124/2/BAB\\_DUA\\_KONSEP.pdf](http://studentsrepo.um.edu.my/6124/2/BAB_DUA_KONSEP.pdf)

Tan Yao Sua, (2011) *Akulturas Peranakan Cina di Tirok, Terengganu*. Jurnal Terjemahan Alam & Tamadun Melayu, 2 (2). pp. 151-162. ISSN 2180-043X

<http://pkukmweb.ukm.my/terjemah>

*Thematic coding*. (n.d.). Better Evaluation. Retrieved July 16, 2023, from

<https://www.betterevaluation.org/methodsapproaches/methods/thematic-coding>

*Transcribing and Coding – Practicing and Presenting Social Research*. (n.d.).

BCcampus Pressbooks. Retrieved February 23, 2024, from

<https://pressbooks.bccampus.ca/undergradresearch/chapter/transcribing-and-coding/>

*What is transcription?* (2021, September 17). Transkriptor! Retrieved February 23, 2024, from

<https://transkriptor.com/what-is-transcription/>

Yohanes K. (2018, 7 18). *Dinamika Masyarakat Dalam Proses Adaptasi Budaya*.

Core. Retrieved February 23, 2024, from

<https://core.ac.uk/outputs/327166676?source=oai>

Yudiantika, A. R. (2016, June 27). *Jurnalisme Data dan 'Big Data'*. kombinasi.

Retrieved February 23, 2024, from

<https://www.kombinasi.net/jurnalisme-data-dan-big-data/>

Zainudin, A. (2019, June 4). *Sajian tradisi kian dilupakan*. Harian Metro. Retrieved

February 23, 2024, from

[https://www.hmetro.com.my/nuansa/2019/06/462677/sajian-tradisi-kian-dilupakan#google\\_vign%20ette](https://www.hmetro.com.my/nuansa/2019/06/462677/sajian-tradisi-kian-dilupakan#google_vign%20ette)